

Kandungan

Kandungan Buku	4
Sinaran Kedua Puluh Lima	6
Penawar Pertama.....	11
Penawar Kedua	12
Penawar Ketiga	14
Penawar Keempat	16
Penawar Kelima	19
Penawar Keenam.....	21
Penawar Keenam.....	23
Penawar Ketujuh	25
Penawar Kelapan.....	27
Penawar Kesembilan.....	30
Penawar Kesepuluh.....	33
Penawar Kesebelas.....	35
Penawar Kedua Belas.....	37
Penawar Ketiga Belas	39
Penawar Keempat Belas.....	42
Penawar Kelima Belas	45
Penawar Keenam Belas.....	48
Penawar Ketujuh Belas	50
Penawar Kelapan Belas.....	54

Penawar Kesembilan Belas	57
Penawar Kedua Puluh	61
Penawar Kedua Puluh Satu	64
Penawar Kedua Puluh Dua.....	66
Penawar Kedua Puluh Tiga	68
Penawar Kedua Puluh Empat.....	70
Penawar Kedua Puluh Lima.....	73
Takziah Kerana Kematian Anak	76
Surat Untuk Seorang Doktor.....	86

Kandungan Buku

Sesungguhnya terdapat banyak ayat di dalam al-Quran berkenaan dengan kesakitan, musibah dan kesusahan. Tidak syak lagi, *al-Quran al-Mu'jiz al-Bayan* mempunyai farmasi yang terbesar. Oleh kerana itu, Ustaz Bediuzzaman Said Nursi merungkaikan dua pilihan ayat, iaitu:

الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمْ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ
رَاجِعُونَ

“(Iaitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa sesuatu kesusahan, mereka berkata: “Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali.”

(al-Baqarah: 156)

وَالَّذِي هُوَ يُطْعِمُنِي وَيَسْقِينِ وَإِذَا مَرَضْتُ فَهُوَ
يَشْفِينِ

“Dan Tuhan yang Dia lah jua memberiku makan dan minum. Dan apabila aku sakit, maka Dia lah yang menyembuhkan penyakitku”.

(al-Shu'ara': 79, 80)

Risalah ini mengandungi dua puluh lima penawar yang merupakan suatu tafsir yang meyakinkan orang-orang beriman tentang bala dan musibah yang menimpa mereka bukanlah suatu musibah, sebaliknya ia adalah satu peringatan

Ilahi dan satu hadiah daripada *al-Rahman*.

Di dalam risalah ini, penawar-penawar itu mampu menjadi penghibur yang hakiki dan balsam yang sejati kepada mereka yang ditimpa bala dan musibah serta para pesakit yang juga merupakan satu persepuluh dari kalangan golongan beriman.

Justeru, risalah ini adalah satu cermin yang diberkati kepada ratusan ayat yang mengenai *syifa'* (penyembuhan) dan juga menunjukkan bahawa ayat-ayat tersebut umpama satu air yg diambil daripada air zamzam *al-Quran*.



Sinaran¹ Kedua Puluh Lima

[Risalah ini mengandungi dua puluh lima penawar.]

Risalah ini merupakan penyembuh, penenang, penghibur dan penawar maknawi untuk para pesakit. Ia ditulis berdasarkan makna daripada ucapan “Semoga cepat sembuh”, dan juga untuk melaksanakan tuntutan menziarahi pesakit.

Peringatan Dan Permohonan Maaf

Penulisan preskripsi maknawi ini dilakukan dengan cepat, lebih cepat daripada seluruh tulisan kami yang lain.² Pembetulan dan pemeriksaan risalah ini tidak dapat dilakukan kerana kesuntukan waktu, hanya dibaca sekali pandang

¹ Ustaz Bediuzzaman menggelarkan risalah-risalahnya dengan nama-nama yang cemerlang dan berbeza daripada tulisan-tulisan yang lain sebagai *al-Isyaratul al-I'jaz* (Isyarat-isyarat mukjizat), *al-Maktubat* (Surat-surat), *al-Lamaat* (Kilat atau Kilauan), *al-Kalimat* (Kalimah-kalimah), *al-Syua'at* (Sinaran), *al-Rasyahat* (Titisan-titisan kecil), *al-Ramz* (Isyarat) ... Oleh kerana itu, beliau telah menyatakan bahawa “*al-Qur'an seperti lautan dan Risalah an-Nur merupakan suatu titik daripada lautan tersebut*”.

² Beberapa orang murid pertama yang menyalin Risalah an-Nur telah menyaksikan bahawa penulisan risalah ini hanya memakan masa selama empat jam setengah sahaja. Mereka adalah Rusdi, Refet, Husrev dan Said. Semoga Allah melimpahi mereka dengan rahmat-Nya. (Penterjemah - Ihsan Kasim Salihi)

dengan amat cepat seperti penulisanya. Oleh itu, risalah ini tetap mempunyai beberapa kekurangan sebagaimana drafnya yang pertama. Kami dapati ia juga tidak memerlukan pembedaan dan pemeriksaan semula terhadap risalah ini kerana segala lintasan-lintasan yang mendatangi hati dalam bentuknya yang fitrah seharusnya tidak dirosakkan dengan usaha yang semata-mata mahu mengindahkan kata-kata sahaja. Saya berharap agar para pembaca terutamanya para pesakit tidak merasa bosan dengan ibarat dan ayat-ayat sukar yang terdapat di dalam risalah ini. Bahkan sebaliknya saya berharap agar mereka sentiasa mendoakan kesejahteraan buat saya.

Bediuzzaman Said Nursi

|||

5

*Dengan Nama Allah yang
Maha Mengasihani lagi Maha Penyayang*

Firman Allah I:

الَّذِينَ إِذَا أَصَابَهُمْ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ
رَاجِعُونَ

“(Iaitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: “Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali.”

(al-Baqarah: 156)

وَالَّذِي هُوَ يُطْعِمُنِي وَيَسْقِينِ وَإِذَا مَرَضْتُ فَهُوَ يَشفِينِ
“Dan Tuhan yang Dia lah jua memberiku makan dan memberi minum. Dan apabila aku sakit, maka Dia lah yang menyembuhkan penyakitku”.

(al-Shu'ara': 79, 80)

Segala puji-pujian adalah bagi Allah I Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas Rasul ρ yang paling mulia.

Di dalam risalah ini, kami menerangkan secara ringkas

“Dua Puluh Lima Penawar”. Penawar-penawar itu mampu menjadi penghibur yang hakiki dan balsam yang sejati kepada mereka yang ditimpa bala dan musibah serta para pesakit yang merupakan satu persepuluh daripada jumlah manusia.

Penawar Pertama

Wahai pesakit yang lemah!

Janganlah anda gelisah. Bersabarlah! **Sakit yang anda hadapi bukanlah penyakit buat anda, tetapi ia adalah sejenis penawar.** Ini kerana umur adalah modal seseorang yang sentiasa berkurangan dari semasa ke semasa. Jika tidak dilaburkan, ia pasti akan kehabisan juga suatu hari nanti, terutamanya jika ia dihabiskan dengan kerehatan dan kealpaan, tiba-tiba seseorang itu telah tiba di penghujung jalan (kematian). Jadi sakit akan memberikan keuntungan yang besar kepada modal yang dimiliki oleh seseorang dan tidak akan membenarkan umurnya dihabiskan dengan segera. Sakit akan melambatkan perjalanan langkah kehidupan, menahannya, memanjangkan umur dan akhirnya berhenti setelah membuahkan hasil. Kemudian selepas sakit hilang, seseorang itu dapat meneruskan perjalanan kehidupannya.

Oleh itu, masa menjadi panjang disebabkan penyakit, sehingga dikatakan: “Aduhai alangkah panjangnya masa bencana dan alangkah pendeknya masa kemewahan”.

Penawar Kedua

Wahai pesakit yang kurang sabar!

Bersabarlah! Bahkan bersyukur! **Sakit yang anda alami boleh menukarkan beberapa minit umur anda menjadi beberapa jam ibadat.** Ini adalah kerana ibadat terbahagi kepada dua bahagian:

Pertama: Ibadat positif iaitu yang dilakukan dengan anggota badan yang tercerna melalui solat, doa dan yang seumpamanya.

Kedua: Ibadat negatif iaitu yang dilakukan dengan hati. Seseorang yang ditimpa musibah penyakit akan kembali (*tadharru'*) dan meminta perlindungan kepada Allah I, *al-Khaliq al-Rahim*, Tuhan yang menciptanya, mengharapkan pertolonganNya dan memohon bantuanNya. Ini semua bertitik tolak daripada perasaannya yang merasakan dirinya lemah ketika berhadapan dengan pelbagai jenis penyakit dan musibah. Dengan *tadharru'* tersebut dia akan memperolehi suatu ibadat maknawi yang ikhlas dan bersih suci daripada sebarang perasaan riak.

Memang terdapat beberapa riwayat sahih yang mengatakan bahawa umur seseorang mukmin yang

bercampur dengan sakit adalah dianggap sebagai ibadat,³ tetapi dengan syarat tidak berkeluh kesah terhadap ketetapan Allah I serta tidak berputus asa terhadap rahmatNya. Beberapa riwayat yang sahih dan kasyaf yang benar telah menunjukkan bahawa satu minit sahaja daripada kesakitan yang dihadapi oleh sebahagian orang-orang yang bersyukur dan sabar adalah dianggap menyamai satu jam ibadat yang sempurna bagi mereka. Sebagaimana satu minit daripada kesakitan yang dihadapi oleh sebahagian daripada orang-orang yang telah mencapai tahap kesempurnaan (*al-Kamilin*) dianggap menyamai satu hari ibadat yang sempurna.

Wahai saudaraku! Janganlah anda merasa ragu dan syak bahawa satu minit daripada kesukaran yang anda hadapi disebabkan sesuatu penyakit boleh menjadi seribu minit dan dapat memanjangkan umur anda! Bahkan anda hendaklah bersyukur.



³ Rasulullah p bersabda yang bermaksud:

“Jika Allah menguji seseorang hamba muslim pada tubuh badannya, AllahI berkata: “Tulislah baginya amalan yang soleh.” Jika Allah menyembuhkannya daripada penyakit itu, dia akan menjadi bersih dan suci. Tetapi jika Allah mematikannya dengan sebab penyakit itu, Allah akan mengampun dan merahmatinya”.

Diriwayatkan oleh Ahmad, *Sahih al-Jami’ al-Saghir* dan tambahannya, hlm. 256 dan al-Irwa’, hlm. 553.

Penawar Ketiga

Wahai pesakit yang tidak mampu bersabar!

Tujuan kedatangan manusia ke dunia ini bukanlah untuk bernikmat-nikmat dan berlazat-lazat. Buktinya: Anda dapati setiap yang hidup pasti akan meninggalkan dunia ini. Setiap yang muda akhirnya akan menjadi tua. Setiap orang pasti akan merasakan kehilangan dan perpisahan dengan orang yang tersayang. Dalam masa yang sama anda dapati manusia adalah makhluk bernyawa yang paling sempurna, mulia dan mempunyai bekalan yang paling mencukupi, bahkan dia adalah raja kepada seluruh makhluk yang lain. Tetapi pelbagai penyakit dan kesakitan tetap menerjah kehidupannya ketika dia memikirkan tentang kelazatan-kelazatan yang diperolehinya pada masa lalu dan bala bencana yang akan dihadapinya pada masa hadapan. Lalu dia terpaksa menjalani kehidupannya dalam keadaan kekeruhan dan kesulitan serta mencampakkan dirinya ke lembah yang lebih hina daripada kedudukan haiwan.

Oleh itu, manusia datang ke dunia ini bukan untuk menghabiskan kehidupan dalam keadaan mewah dan tenggelam dalam hembusan bayu yang merehat dan menyegarkan, **bahkan kedatangannya ke dunia ini bertujuan agar dia memperolehi kebahagiaan hidup yang kekal dan abadi.** Kebahagiaan hidup yang abadi itu boleh diperolehi melalui jalan perniagaan dengan menjadikan

umurnya sebagai modal yang besar. Jika tidak mengalami sakit, seseorang itu akan hidup dalam keadaan alpa kerana sentiasa berada di dalam keadaan sihat walafiat. Dunia pada pandangannya adalah suatu yang indah dan lazat. Ketika itu, dia akan ditimpa penyakit lupakan akhirat. Dia menjadi benci untuk mengingati mati dan kubur. Dia mensia-siakan modalnya yang amat berharga itu. Dengan itu, datangnya penyakit dapat membukakan matanya serta merta. Seolah-olah penyakit itu berkata:

“Anda tidak kekal hidup dan anda tidak dibiarkan begitu sahaja. Bahkan anda dipertanggungjawabkan untuk menunaikan satu tugas. Janganlah anda terpedaya. Ingatilah sentiasa Tuhan yang Mencipta anda. Ketahuilah bahawa anda sedang menuju ke kubur. Persiapkan dan sediakan diri anda untuk menghadapinya.”

Maka, penyakit mengambil peranan sebagai seorang sebagai penasihat yang tidak pernah menipu dan juga sebagai *mursyid* (pembimbing) yang memberi peringatan.

Oleh itu, tidak perlulah anda merasa keluh kesah jika penyakit mendatangi anda. Bahkan anda hendaklah bernaung di bawah bayangan kesyukuran. Jika penyakit yang anda hadapi itu terlalu kuat, maka hendaklah anda banyak bersabar.

Penawar Keempat

Wahai pesakit yang mengadu kesakitan!

Ketahuiilah bahawa anda tidak berhak untuk mengadu. Bahkan anda berkewajipan untuk bersyukur dan bersabar sahaja. Kerana anggota tubuh badan luaran dan dalaman anda, bahkan diri anda sendiri bukanlah milik anda. Anda tidak membuat atau menciptanya sendiri. Anda juga tidak membelinya daripada mana-mana syarikat atau kilang. Oleh itu, ia adalah milik yang lain. Pemiliknya boleh melakukan apa sahaja yang dikehendakinya terhadap barangan miliknya. Ini sebagaimana yang telah diterangkan dalam Kalimah Kedua Puluh Enam yang khusus membincangkan tentang qadar. Dalam kalimah tersebut dinyatakan:

“Terdapat seorang ahli kraftangan yang amat mahir dan kaya telah mengupah seorang lelaki miskin untuk menjadi model bagi mempamerkan barangan yang dihasilkan olehnya. Untuk menampilkan hasil buaatannya yang indah dan pengalamannya yang luas, dia memakaikan si miskin itu pakaian yang berhias dan dilengkapi dengan pelbagai perhiasan yang ditununya dengan penuh teliti dan indah. Dia juga melakukan pelbagai perkara dalam usaha untuk memperindah dan mencantikkan hasil buaatannya dengan kemahiran tinggi yang dimilikinya untuk menunjukkan pelbagai ukiran seninya yang cemerlang. Dia mula menggantung, menukarkan jenis kain yang digunakan,

memanjang, memendek dan sebagainya pada pakaian tersebut, semasa ia dipakai oleh lelaki miskin tadi.

Pada pendapat anda adakah lelaki miskin yang mengambil upah itu berhak untuk berkata kepada lelaki ahli kraftangan yang mahir itu:

“Anda telah merosakkan ketampanan saya yang terserlah ketika mengenakan pakaian ini kerana anda sentiasa menyuruh saya kadang-kadang tunduk, berdiri dan duduk. Anda juga telah merosakkan saya kerana selalu menggunting, memendek dan memanjangkan bahagian-bahagian tertentu pada pakaian ini. Anda juga telah menzalimi saya dan tidak berlaku adil terhadap saya.”

Begitulah juga, keadaannya dengan *al-Sani' Zul-Jalal*, Tuhan Yang Maha Membuat yang telah memakaikan pakaian jasad kepada anda, wahai pesakit! **Dia juga telah memberikan kepada anda pancaindera nurani yang ditatahkan pada tubuh badan anda, seperti mata, telinga dan akal. Oleh itu anda dapati Allah menukar balik keadaan anda dan mempelbagaikan hal ehwal anda demi untuk memperlihatkan kepada anda kesan-kesan buatanNya melalui *Asmaul Husna*. Sebagaimana anda dapat memahami dan mengenali nama Allah *al-Razzak* (yang Memberi Rezeki) melalui kelaparan, maka begitu juga anda dapat memahami nama Allah *al-Syafi* (yang Menyembuhkan) ketika anda menghadapi sebarang penyakit.**

Sebahagian daripada hikmat *Asmaul Husna* akan tersingkap dan terdedah melalui sakit dan musibah yang

dihadapi. Ia juga akan memancarkan cahaya keindahan yang menampilkan seluruh hikmah dan kilasan rahmat. Jikalau hijab disingkap, maka di sebalik penyakit yang tidak disukai itu, anda akan menemui hakikat mendalam, indah dan disenangi oleh jiwa anda. Itulah yang terkandung di sebalik penyakit yang anda hadapi.

|||

Penawar Kelima

Wahai pesakit yang sedang diuji dan diduga!

Melalui pengalaman saya pada masa dahulu, sekarang saya merasa penuh keyakinan bahawa **penyakit yang dihadapi oleh segolongan manusia merupakan satu bentuk ihsan Ilahi dan hadiah Rahmani.**⁴

Beberapa orang pemuda telah berjumpa dengan saya dalam tempoh lapan atau sembilan tahun ini. Mereka meminta saya mendoakan kesihatan mereka daripada penyakit-penyakit yang dihadapi, sekalipun saya bukanlah orang yang layak berbuat demikian. Saya dapati sesetengah daripada mereka itu lebih banyak menghabiskan masa berfikir dan mengingati akhirat. Tidak lagi mabuk dan tenggelam dalam kealpaan masa muda. Bahkan mereka sedikit sebanyak memelihara dan menjaga diri daripada terjerumus ke lembah nafsu kehaiwanan. Oleh itu, saya memperingatkan mereka bahawa penyakit yang masih boleh ditanggung itu sebenarnya adalah pemberian ihsan daripada

⁴ Daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Nabi ﷺ bersabda yang bermaksud:

“Sesiapa yang Allah menghendaki kebaikan baginya, maka dia akan dikenakan musibah”.

Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Malik.

Allah I Saya berkata:

“Wahai saudaraku! Saya tidak menentang penyakit yang anda hadapi. Saya juga tidak merasa kasihan terhadap anda kerana penyakit yang anda hadapi sehingga membolehkan saya melakukan doa untuk anda. Apa yang saya harapkan ialah agar anda terus bersabar dan teguh pendirian menghadapi penyakit ini hingga akhirnya anda sembuh dan kembali sihat walafiat. Kerana selepas penyakit ini selesai menjalankan tugasnya, *al-Khaliq al-Rahim*, Tuhan yang Maha Pencipta lagi Maha Penyayang itu pasti akan menyembuhkan anda, *insyaAllah*”.

Saya juga berkata:

“Sesungguhnya sesetengah orang seperti anda sedang menggonggong dan meruntuhkan tiang kehidupan abadinya kerana mahu memperolehi kenikmatan zahir yang sementara di atas dunia ini. Mereka hidup dalam kealpaan kerana kesihatan yang dimiliki. Kepada mereka, kesihatan itu adalah bala sebenarnya. Mereka meninggalkan solat, lupa kepada kematian dan lalai daripada melaksanakan perintah Allah I Tetapi melalui penyakit yang dihadapi, anda dapat melihat kubur iaitu tempat persinggahan yang anda sama sekali tidak dapat melarikan diri daripadanya suatu hari nanti. Di samping itu, anda juga dapat melihat segala tempat-tempat persinggahan akhirat yang lain. Oleh itu, segala tindakan dan perlakuan anda adalah berdasarkan apa yang anda lihat itu. **Oleh itu, sebenarnya penyakit anda adalah ibarat kesihatan bagi anda. Manakala kesihatan yang sedang dinikmati oleh sebahagian manusia pula adalah seperti penyakit buat mereka**”.

Penawar Keenam

Wahai pesakit yang mengadu kesakitan!

Saya bertanya kepada anda, agar anda mengembalikan ingatan anda terhadap umur anda yang telah berlalu. Saya juga bermohon agar anda mengingati hari-hari lalu yang bahagia dan penuh kenikmatan serta waktu-waktu yang mencabar dan penuh kesulitan.

Sudah pasti sama ada anda akan melepaskan nafas kelegaan atau mengaduh terkenangkan hari-hari tersebut. Iaitu sama ada anda akan menarik nafas lega seraya berkata: **“Alhamdulillah, syukur”**. Hati atau lidah anda akan berkata: **“Alangkah sedihnya! Alangkah dukacitanya!”**.

Lihatlah bagaimana penyakit dan bencana yang anda hadapi dahulu, apabila saja terlintas di benak pemikiran, hati anda akan mengucapkan **“Alhamdulillah”** dan anda sendiri akan diselubungi kelazatan maknawi. Ini adalah kerana kehilangan kesakitan atau sembuh daripada penyakit melahirkan kelazatan dan perasaan kegembiraan. Dengan kesembuhan dan kehilangan penyakit itu, tempatnya diganti atau ditanam dengan kelazatan tersembunyi di dalam jiwa. Apabila sahaja situasi ini diingati kembali, ia membuahkan rasa kemanisan dan kegembiraan yang mendorong kepada kesyukuran dan pujian Ilahi.

Ini adalah kerana kehilangan kesakitan melahirkan

kelazatan dan perasaan kegembiraan. Kehilangan kesakitan dan musibah telah menanam di dalam jiwa suatu kelazatan tersembunyi. Apabila sahaja terlintas di pemikiran bahawa sesuatu jiwa telah terkeluar daripada bebanan kesakitan, maka ia akan memperolehi kemanisan dan kegembiraan yang melahirkan puji-pujian dan kesyukuran.

Manakala suasana kelazatan dan kejernihan yang anda telah alami dahulu, dan situasi tersebut sedang diliputi debu dan asap kesakitan lalu menyebabkan anda berkata: **“Alangkah sakitnya. Alangkah pedihnya”**, maka ia berlaku kerana kehilangan kenikmatan tersebut menyebabkan tertanam di dalam roh anda suatu keadaan kesakitan tersembunyi yang berpanjangan. Kesakitan ini akan berulang sengatannya sekarang jika ia diingati kembali meskipun hanya melalui pemikiran yang sebentar terhadap kehilangan kenikmatan yang diperolehi. Oleh itu, air mata kesedihan dan kedukacitaan akan terhambur keluar.

Kelazatan selama satu hari yang diperolehi melalui jalan yang tidak syar’ie kadang-kadang akan menyebabkan seseorang berada dalam keadaan kesakitan maknawi selama setahun genap. Begitu juga kesakitan yang terhasil daripada penyakit sementara yang dialami selama sehari akan membuahkan kelazatan maknawi selama beberapa hari, kerana ia dicelahi oleh balasan pahala. Ia juga membuahkan kelazatan maknawi yang lahir daripada kesembuhannya daripada penyakit tersebut. Oleh itu, anda hendaklah benar-benar ingat akan natijah daripada penyakit sementara yang anda alami. Fikirkanlah tentang besarnya balasan pahala yang diharapkan terhasil melalui celah-celah penyakit yang anda hadapi. Berpeganglah dengan kesyukuran dan agungkanlah diri anda, bukan mengadu kesakitan. Katakanlah: **“Wahai Allah! Setiap keadaan akan berubah...”**.

Penawar Keenam⁵

Wahai saudaraku yang gundah-gelana akibat penyakit disebabkan terkenangkan kelazatan dan kenikmatan dunia!

Jika dunia ini memang benar akan kekal selama-lamanya ... jika kematian benar-benar dapat dielakkan ... jika taufan perpisahan dan kehilangan benar-benar akan berhenti bertiup selepas ini ... jika masa hadapan akan meninggalkan musim dingin yang mencengkam, nescaya saya akan menyertai anda dan merasa sedih serta sempati dengan keadaan anda.

Tetapi oleh kerana dunia ini akan mengeluarkan kita daripadanya dengan berkata: “Ayuh! Keluarlah!”, dan ia memekakkan telinganya daripada mendengar pekikan dan jeritan meminta tolong daripada kita, maka kita hendaklah meninggalkan perasaan cinta dan keinginan untuk tinggal kekal di dalamnya sebelum ia menghalau dan meninggalkan kita. Caranya ialah dengan kita mengambil bekalan daripada kesedaran yang dibangkitkan oleh penyakit dan berusaha untuk mengosongkan hati dan perasaan kita daripada dunia

⁵ Secara tidak disengajakan, sinaran ini diilhamkan kepadaku dalam keadaan di mana dua rawatan dimasukkan sebagai Rawatan Keenam. Kami tidak membuat apa-apa pindaan kerana tidak mahu keadaan asalnya dimusnahkan kerana berpendapat mungkin ada sesuatu yang terkandung di dalamnya. - Ustaz Bediuzzaman Said Nursi

sebelum dunia meninggalkan kita.

Ya, melalui peringatannya tentang pengertian yang halus dan mendalam ini, sesuatu penyakit membisikkan ke dalam benak hati dengan berkata:

“Binaan badan anda bukan diperbuat daripada batu yang keras atau diperbuat daripada besi. Bahkan ia diperbuat daripada pelbagai bahan yang tersusun. Kesemua bahan itu amat mudah untuk menerima proses pemecahan, pembusukan dan perpisahan. Oleh itu, tidak perlulah anda bermegah. Sedarilah kelemahan anda. Kenalilah al-Malik, Tuhan yang Memiliki anda. Fahamilah tugas anda. Pelajarilah hikmat dan tujuan anda datang ke dunia ini.”

Kenikmatan dan kelazatan dunia ini tidak berkekalan. Terutamanya jika ia diperolehi melalui jalan yang tidak syar’ie. Sebaliknya ia akan menyebabkan perasaan menjadi sakit di samping mendapat dosa dan kesalahan. Oleh itu, janganlah anda menangihi kehilangan kenikmatan tersebut kerana sakit yang anda hadapi. Bahkan fikirkanlah tentang makna ibadat maknawi yang terkandung di dalam sakit yang anda hadapi serta balasan pahala tersembunyi di akhirat yang bakal anda perolehi. Berusahalah untuk mencapai perasaan yang murni lagi harum itu.

Penawar Ketujuh

Wahai pesakit yang kehilangan nikmat kesihatan!

Sesungguhnya penyakit yang anda alami sebenarnya tidak menghilangkan kelazatan nikmat ilahi, bahkan sebaliknya. Sebenarnya ia menjadikan anda merasai nikmat tersebut, mengindahkannya buat anda dan menambahkan kelazatannya. Ini adalah kerana jika sesuatu kelazatan berterusan di dalam keadaan asalnya, akan menyebabkan ia kehilangan rasa dan kesannya. Hatta *ahl al-Haqq*, (para pencari kebenaran) bersepakat mengatakan: “Sesuatu itu dikenali melalui perkara-perkara yang bertentangan atau berlawanan dengannya ...”.

Sebagai contoh:

- Jika tidak kerana kegelapan, nescaya cahaya tidak diketahui dan ia terus berada dalam keadaan kita tidak merasakan kelazatannya.
- Jika tidak kerana kedinginan, nescaya kehangatan tidak diketahui dan ia terus berada dalam keadaan kita tidak merasai kenikmatannya.
- Jika tidak kerana lapar, nescaya kita tidak merasakan kelazatan ketika makan.
- Jika tidak kerana kepanasan perut yang dahaga, nescaya kita tidak merasakan kelazatan memuncak

ketika menghirup air yang dingin.

- Jika tidak kerana penyakit, nescaya kesihatan yang kita alami tidak mempunyai apa-apa kenikmatan.
- Jika tidak kerana penyakit, nescaya kesihatan yang kita perolehi tidak mempunyai sebarang kelazatan.

Oleh kerana *al-Fatir al-Hakim*, Yang Maha Mencipta dan Maha Bijaksana mahu agar manusia ini merasa dan dapat mengecap pelbagai jenis kenikmatan dan kelazatan yang dikurniakannya agar manusia bersyukur kepadaNya. Maka Dia menyediakan terlalu banyak peralatan pada diri manusia agar dapat merasa dan mengecapinya. Oleh itu, Dia menurunkan pelbagai jenis penyakit sebagaimana dia memberikan nikmat kesihatan dan afiat.

Saya bertanya kepada anda: “Jika bukan kerana rasa sakit yang menimpa kepala, tangan atau perut anda, adakah anda mampu merasa kelazatan yang tersembunyi di sebalik kesihatan yang terdapat pada kepala, tangan atau perut anda? Sudah tentu anda tidak bersyukur sebaliknya anda tidak akan berfikir seperti itu. Adakah anda dapat merasakan kenikmatan tersebut, seterusnya bersyukur terhadap nikmat Ilahi itu?”

Tetapi biasanya anda berada dalam keadaan lupa yang sepatutnya anda bersyukur, atau mungkin anda menguruskan kesihatan anda itu dengan melampau dan alpa, lalu anda melakukan sesuatu yang maksiat tanpa anda sedari”.

Penawar Kelapan

Wahai pesakit yang mengenangkan akhiratnya!

Sebenarnya sakit yang anda alami adalah umpama tindakan sebuku sabun. Ia membersihkan segala kekotoran yang terdapat pada diri anda. Penyakit yang di alami membuang segala dosa anda. Ia menyucikan anda daripada semua kesalahan anda. Telah terbukti di dalam hadis bahawa segala penyakit merupakan penebus dosa dan maksiat yang telah dilakukan. Dalam sebuah hadis, Rasulullah ρ bersabda:

ما من مسلم يصيبه أذى إلا حات الله عنه خطايا كما تحات ورق الشجر.

*“Tiada seorang muslim yang ditimpa kesakitan, melainkan Allah akan menggugurkan kesalahan-kesalahannya, sebagaimana dedaunan pepohon yang berguguran”.*⁶

Dosa adalah penyakit yang berterusan dalam kehidupan yang abadi. Dalam kehidupan di dunia ini, ia adalah penyakit maknawi yang menimpa hati, perasaan dan roh. Jika anda bersabar dan tidak mengadu terhadap penyakit di dunia, anda akan terselamat daripada penyakit-penyakit yang amat banyak di akhirat kelak.

Jika anda lalai terhadap dosa-dosa anda, lupa

⁶ Diriwatikan oleh al-Bukhari, *Kitab al-Mardha wa al-Tibb*.

terhadap akhirat dan cuai terhadap Allah I, saya tegaskan bahawa anda pasti akan menghadapi suatu penyakit yang merbahaya. Ia lebih merbahaya dan lebih besar berjuta kali ganda daripada penyakit-penyakit dunia yang sementara itu. Jauhkanlah diri anda daripada penyakit yang merbahaya ini. Menjeritlah untuk meminta pertolongan.

Penyakit itu lebih merbahaya kerana hati, roh dan jiwa anda terikat dengan seluruh benda yang wujud di atas dunia ini. Juga kerana segala saluran perhubungan akan terputus dicantas oleh pedang perpisahan dan kehilangan lalu menyebabkan anda mengalami luka yang dalam. Keadaan menjadi lebih parah lagi jika anda merasakan kematian itu berlaku selama-lamanya, kerana kejahilan anda tentang akhirat. Anda ketika itu, seolah-olah mengalami penyakit dan mempunyai luka sebesar bentuk dunia ini. Ini memaksa anda untuk mencari penawar atau ubat yang hakiki bagi merawat kewujudan anda yang maknawi itu sebelum ia dipisah, dilebur dan direputkan oleh pelbagai jenis penyakit dan kecederaan yang tidak terkira banyaknya. Saya yakin, anda tidak akan menemui penawarnya melainkan pada **penawar iman** dan ubatnya yang mujarab. Ketahuilah jalan paling ringkas untuk mencapai penawar tersebut adalah melalui intaian dan jengukan melalui tingkap 'kelemahan' dan 'kefakiran' yang menjadi fitrah manusia. Tingkap ini pula hanya akan terbuka dengan mengoyakkan penyakit fizikal yang menghibab kealpaan. Dengan itu, anda akan mencapai peringkat makrifat terhadap kekuasaan dan rahmat luas *al-Qadir Zul-Jalal*, Yang Maha Berkuasa dan Maha Agung.

Ya, orang yang tidak mencapai makrifat kepada

Allah akan menanggung gundah-gulana dan musibah di kepalanya seluas dunia dan segala isinya. Tetapi orang yang makrifat terhadap Tuhannya, dunianya akan dipenuhi dengan cahaya dan kegembiraan maknawi. Ini dapat dirasakannya melalui kekuatan iman yang ada dalam dirinya. Kekuatan ini pula berbeza daripada seseorang individu kepada seseorang individu yang lain. Sesungguhnya kesakitan zahir akan lenyap dan tersungkur berhadapan dengan hujan kegembiraan maknawi dan penawar lazat yang terbit daripada keimanan.



Penawar Kesembilan

Wahai pesakit yang mengenali *al-Khaliq*, Penciptanya!

Sesungguhnya sebab timbulnya merasa kesakitan, perasaan ketakutan dan gundah-gulana akibat penyakit adalah kerana sesuatu penyakit kadang-kadang boleh membawa kepada kematian dan kemusnahan. Bahkan, menurut pandangan mereka yang lalai, kematian pada zahirnya merupakan suatu yang amat menakutkan dan menggerunkan. Oleh itu, penyakit yang mungkin menjadi sebab kematian itu menyebabkan seseorang berada dalam keadaan bimbang dan keluh kesah. Oleh itu, hendaklah anda mengetahui:

Pertama: Berimanlah dengan penuh keyakinan. **“Sesungguhnya sesuatu ajal telah ditetapkan. Ia tidak akan berubah”**. Telah banyak kali berlaku, orang-orang yang menangisi pesakit yang sudah dalam keadaan nazak mati lebih dahulu daripada orang yang mereka tangisi itu, sedangkan mereka memiliki kesihatan yang amat baik. Tetapi orang yang ditangisi kerana mengidap penyakit yang boleh menyebabkan kematian itu disembuhkan oleh Allah lalu dapat hidup lebih lama.

Kedua: Kematian itu sendiri tidaklah menakutkan, sebagaimana yang kelihatan kepada kita pada zahirnya. Dalam banyak risalah dan juga melalui wahyu al-Quran, saya telah buktikan dengan bukti

yang jelas tanpa meninggalkan sebarang keraguan dan kekeliruan bahawa:

- Kematian bagi seseorang mukmin adalah perlepasan dan berakhirnya taklif bebanan daripada tugas kehidupan dan kesulitannya. Ia juga adalah pembebasan daripada ‘*ubudiyyah* yang merupakan proses pembelajaran dan latihan di medan dunia yang dipenuhi dengan bala bencana ...
- Kematian juga adalah pintu untuk menemui sembilan puluh sembilan kekasih dan teman rapat yang telah pergi terlebih dahulu ke alam akhirat ...
- Kematian juga adalah cara untuk memasuki halaman tanah air yang hakiki serta tempat tinggal abadi bagi memperolehi kebahagiaan yang kekal ...
- Kematian juga adalah satu undangan untuk berpindah daripada penjara dunia kepada taman-taman dan kebun-kebun syurga ...
- Kematian juga adalah peluang yang baik bagi menerima balasan daripada perkhidmatan yang telah dilaksanakan; balasan yang akan dihamburkan dengan penuh kemurahan daripada khazanah kelebihan dan kebaikan *al-Khaliq al-Rahim*, Tuhan yang Maha Mencipta lagi Maha Mengasihani.

Oleh kerana demikianlah keadaan kematian dari sudut hakikat, maka tidak sepatutnya ia dilihat sebagai sesuatu yang amat menakutkan. Bahkan wajib kita menganggapnya sebagai berita gembira untuk memperolehi rahmat dan kebahagiaan.

Sehinggakan ketakutan sesetengah *wali Allah* bukanlah terhadap kematian yang ganas dan dahsyat itu, tetapi adalah kerana mereka masih ingin memperolehi dan membuat lebih banyak kebaikan dan kebajikan dengan melanjutkan tempoh masa mereka boleh meneruskan tugas kehidupan.

Ya! Memang kematian bagi ahli keimanan ialah pintu rahmat. Tetapi bagi ahli kesesatan, ia adalah perigi gelap yang abadi.



Penawar Kesepuluh

Wahai pesakit yang gelisah tanpa sebab!

Anda sebenarnya merasa gelisah terhadap tekanan dan kekerasan penyakit itu sendiri. Maka kegelisahan anda itu akan menambahkan lagi beban sakit yang sudah sedia ada. Jika anda ingin meringankan kesakitan yang dialami, anda hendaklah berusaha bersungguh-sungguh untuk tidak berada dalam keadaan gelisah dengan cara berfikir tentang faedah yang anda akan perolehi melalui penyakit yang dihadapi, tentang pahalanya dan juga tentang langkah yang seharusnya diambil bagi menyembuhkannya. Cara ini dapat menghilangkan kegelisahan dan seterusnya menyembuhkan penyakit yang anda alami sehingga ke akar umbi.

Ya, memang kegelisahan (atau perasaan was-was) akan menyebabkan penyakit yang anda tanggung menjadi lebih berat dua kali ganda. Kerana kegelisahan akan meniupkan penyakit maknawi ke dalam hati kesan daripada penyakit zahir yang anda hadapi. Maka penyakit zahir yang anda hadapi akan berkekalan kerana ia mempunyai sandaran daripada penyakit maknawi itu.

Tetapi jika anda menghilangkan gelisah dan segala bisikan hati yang tidak baik itu, dengan berserah kepada Allah I dan redha dengan segala ketetapanNya, juga dengan mengingati hikmat yang diperolehi melalui sakit yang dialami, maka penyakit zahir anda itu akan menghilangkan

salah satu cabangnya yang paling penting daripada akar umbinya, lalu penyakit anda itu akan menjadi lebih ringan kerana satu bahagian daripadanya telah hilang. Jika penyakit zahir yang anda alami itu diiringi oleh kegelisahan dan gundah gelana, penyakit itu yang pada asalnya hanya sebesar satu perseratus daripada kegelisahan akan membesar sehingga menjadi satu persepuluh. Tetapi jika perasaan gelisah itu dihilangkan, sembilan persepuluh daripada kesan penyakit tersebut akan hilang. Sebagaimana kegelisahan akan menambahkan lagi sakit, begitu juga ia akan menyebabkan seseorang pesakit mengkritik hikmat dan rahmat Ilahi serta mengadu kesakitan kepada *al-Khaliq al-Rahim*, Tuhannya yang Maha Mencipta lagi Maha Mengasihani, lalu dia akan diberikan tamparan bagi membetulkan adabnya dengan menambahkan lagi penyakitnya, berlawanan daripada apa yang diinginkannya. **Kerana sebagaimana bersyukur akan menambah nikmat, maka begitu juga keluhan dan kritikan akan menambah sakit dan musibah.**

Selain dari itu, gelisah itu sendiri adalah penyakit. Penawarnya hanyalah melalui pengetahuan anda terhadap hikmat yang diperolehi melalui sakit yang dialami. Jika anda mengetahui hikmat dan faedahnya, anda akan dapat menghilangkan kegelisahan anda itu. Oleh itu, hilangkanlah kegelisahan anda itu dengan penawar tersebut. Selamatkanlah diri anda. Daripada berkata “Aduh!” sebaliknya anda hendaklah berkata:

الحمد لله على كل حال

“Segala puji bagi Allah terhadap segala keadaan”.

Penawar Kesebelas

Wahai saudara pesakit yang telah hilang kesabarannya!

Di sebalik kesakitan yang anda alami daripada penyakit anda, ia juga sebenarnya memberikan kelazatan maknawi kepada anda setelah ditarik daripada kehilangan penyakit anda pada masa lalu. Di samping itu, anda juga memperolehi kelazatan roh yang lahir daripada pahala yang terhasil di sebalik penyakit tersebut. Masa akan datang selepas hari ini, bahkan selepas sejam kemudian tidak lagi mengandungi kesakitan. Tidak diragukan lagi, bahawa sakit tidak berlaku begitu saja tanpa disebabkan oleh sesuatu. Jika tidak ada penyakit, maka tiada kesakitan dan kelohan. Tetapi kerana anda salah sangka, maka kegelisahan menyelubungi anda.

Sedangkan kesakitan pada tempoh tersebut akan hilang bersama hilangnya sakit yang dialami ketika tempoh sakit yang zahir itu. Dengan itu, anda akan beroleh pahala lalu berkekalanlah kelazatan kerana kehilangan penyakit itu. Adalah sesuatu yang kegilaan jika sekarang anda masih mengingati kesakitan dan merasa sakit bagi penyakit yang telah lalu, lalu menyebabkan anda hilang sabar. Sedangkan anda sepatutnya merasa lapang kerana ia telah tiada dan kerana anda telah memperolehi balasan pahalanya. Juga kerana hari-hari mendatang masih belum tiba. Bukankah suatu kejahilan jika sekarang ini kita menyibukkan diri dengan berfikir tentang hari yang belum dilahirkan lagi,

tentang penyakit yang belum berlaku dan juga tentang kesakitan yang belum terhasil? Sangkaan seumpama ini yang merupakan hasil daripada pemikiran yang dilakukan secara berulang-ulang dan pembebanan jiwa dengan sesuatu yang amat menyakitkan akan mendorong seseorang hilang sabar dan cuba untuk mewujudkan tiga perkara yang masih belum wujud. Bukankah ini suatu kegilaan?

Oleh kerana waktu sakit yang telah berlalu itu mendatangkan kesegaran dan kegembiraan, dan oleh kerana masa akan datang masih belum wujud, maka penyakit dan kesakitan dianggap tiada.

Wahai saudaraku!

Janganlah anda membazirkan kekuatan kesabaran yang dikurniakan oleh Allah kepada anda dengan menghamburkannya ke kiri dan ke kanan. Bahkan, himpunkanlah ia bagi menghadapi kesakitan yang anda alami ketika ini dengan berkata: يا صبور “Wahai Yang Maha Penyabar!” Tanggunglah kesakitan itu dengan penuh kesabaran dan mengharapkan pahala daripadanya.



Penawar Kedua Belas

Wahai pesakit yang tidak dapat beribadat dan melakukan wirid-wirid yang lain kerana sakit! Wahai pesakit yang berdukacita kerana tidak dapat melakukannya!

Ketahuiilah bahawa terdapat di dalam hadis yang mulia⁷:

“Seseorang mukmin yang bertaqwa akan terus menerima pahala amalan ibadat yang dilakukannya meskipun ketika dia sedang sakit. Keadaan sakitnya tidak menghalang dia daripada terus memperolehi pahala”.

Seseorang pesakit yang menunaikan ibadat fardhu sekadar kemampuannya, maka keadaan sakitnya itu menggantikan seluruh ibadat sunat ketika dia berada dalam

⁷ Daripada Abu Musa al-Ash'ari, bahawa Nabi ρ bersabda yang bermaksud:

“Apabila seseorang hamba sakit atau bermusafir, Allah I akan menulis pahala baginya sebagaimana yang dia biasa lakukan ketika berada dalam keadaan bermuqim dan sihat”.

Dikeluarkan oleh Ahmad dan al-Bukhari.

keadaan yang amat sakit. Kerana pesakit itu menghadapi penyakitnya dengan penuh kesabaran, bertawakkal dan tetap menunaikan ibadat yang fardhu.

Penyakit juga menyebabkannya merasa kelemahan dan kedhaifannya. Lalu dia bertadharru' dan bermunajat kepada Allah dengan perasaan lemah melalui doa sama ada dengan keadaan dirinya atau melalui perkataan. Kelemahan tidak terbatas dan kedhaifan tidak terhenti yang diletakkan oleh Allah I di dalam diri manusia hanyalah bertujuan agar manusia sentiasa memohon perlindungan ke hadrat Ilahi dengan berdoa dalam keadaan penuh pengharapan. Hikmat di sebalik penciptaan manusia dan sebab asasi tugasnya ialah semata-mata berdoa, berdasarkan kandungan ayat suci al-Quran:

قُلْ مَا يَعْزُبُ عَنْكُمْ رَبِّي لَوْلَا دُعَاؤُكُمْ

Katakanlah (wahai Muhammad): "Tuhanku tidak akan menghargai kamu kalau tidak adanya doa ibadat kamu kepadaNya."

(al-Furqan: 77)

Oleh kerana sakit adalah sebab bagi melakukan doa yang tulus ikhlas, maka tidak sepatutnya seseorang mengadu sakit, bahkan wajib bersyukur, kerana tidak harus sumber air bagi doa yang dipancarkan oleh keadaan sakit dikeringkan dengan memperolehi kesembuhan.

Penawar Ketiga Belas

Wahai pesakit yang mengadu kesakitan dan tiada caranya!

Bagi sesetengah orang, sakit akan menjadi khazanah yang amat berharga dan hadiah yang amat bernilai buat mereka. Setiap pesakit boleh menggambarkan sakit yang dihadapinya agar terdiri daripada penyakit jenis ini.

Hikmat Ilahi menentukan agar ajal tidak diketahui ketibaannya, bagi menyelamatkan manusia daripada kekecewaan dan kelalaian mutlak, serta bagi mengekalkan manusia agar terus berada dalam keadaan antara takut dan harap, juga bagi memelihara dunia dan akhiratnya daripada terhurban ke dalam gaung kerugian ... Ini bermakna ajal sentiasa dijangkakan ketibaannya setiap waktu. Jika pada waktu ajal mendatangi seseorang, sedang dia ketika itu tenggelam dalam kelalaian, maka ajal itu akan menyebabkannya mendapat kerugian yang besar dalam kehidupannya di dunia dan di akhirat yang abadi. **Maka sakit yang dialami dapat menghancurkan dan memecah-mecahkan kelalaian tersebut. Seterusnya, dia akan mengingatkan akhirat dan menghadirkan keadaan kematian di dalam pemikirannya, lalu dia bersiap sedia bagi menghadapinya.** Bahkan mungkin sakit yang dialami akan memberikannya keuntungan yang besar. Seheinggakan dia mencapai tingkatan yang tinggi dalam masa 20 hari, apa yang tidak mungkin

dicapainya dalam masa 20 tahun. Sebagai contoh:

Terdapat dua orang pemuda (semoga Allah I me-rahmati kedua-duanya) dari kalangan kawan kita. Pemuda pertama, Sabri dari kampung Ilama dan seorang lagi namanya Vezirzade Mustafa dari Islam Koy. Meskipun kedua-duanya buta huruf, namun saya amat kagum terhadap kesetiaan, kebenaran dan khidmat besar mereka terhadap iman sehingga saya menganggap mereka sebagai golongan kelas pertama. Pada ketika itu saya tidak mengetahui hikmatnya, tetapi selepas kematian mereka, saya mendapat tahu mereka berdua mengalami dua jenis penyakit yang kronik. Akibat penyakit tersebut, mereka menjadi orang yang amat bertaqwa dan sentiasa berusaha untuk memberikan khidmat mulia yang memberikan manfaat kepada akhirat mereka, bersalahan dengan para pemuda lain yang lalai dan lupa terhadap tanggungjawab mereka. Oleh itu, saya bermohon kepada Allah I agar menggantikan dua tahun kesukaran dan kesakitan yang dialami oleh mereka semasa hidup mereka di dunia dengan menjadi jutaan tahun kebahagiaan hidup yang abadi di akhirat.

Hanya sekarang barulah saya faham bahawa doa saya buat mereka agar memperolehi kesembuhan sebenarnya merupakan doa untuk sebaliknya dari sudut dunia. Namun saya berharap kepada Allah I agar doa saya itu dimustajabkan untuk kesenangan mereka di akhirat.

Demikianlah, menurut keyakinan saya, kerana sebab itulah mereka berdua memperolehi keuntungan yang menyamai hasil usaha dan ketaqwaan yang dilakukan oleh seseorang yang lain dalam tempoh paling minima sepuluh

tahun.⁸ Jika mereka berdua bermegah-megah dengan kesihatan yang mereka miliki sebagaimana sesetengah para pemuda hari ini dan menjunamkan diri mereka ke dalam perangkap kelalaian dan kealpaan sehingga mereka didatangi oleh kematian yang sentiasa menanti-nanti, dalam keadaan tersungkur di dalam lumpur kedustaan dan kegelapan, nescaya kubur mereka berdua sekarang terdiri daripada batu-batu yang dipenuhi kala jengking dan ular sebagai ganti daripada khazanah cahaya dan kebahagiaan.

Oleh kerana penyakit sebenarnya mengandungi manfaat yang banyak ini, maka sama sekali tidak patut kita mengadu ketika mengalaminya, bahkan kita wajib berpegang dengan rahmat Ilahi dengan penuh tawakkal dan sabar, bahkan dengan memuji dan mengucapkan kesyukuran.



⁸ Daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Nabi ﷺ bersabda yang bermaksud:

“Seseorang lelaki mempunyai suatu kedudukan di sisi Allah. Dia tidak mencapai kedudukan itu dengan amalan. Lalu Allah mengujinya dengan sesuatu yang tidak disukainya, sehingga akhirnya dia mencapai kedudukan tersebut.”

Hadis hasan. Dikeluarkan oleh Abu Ya'la di dalam Musnadnya 4/1447.

Penawar Keempat Belas

Wahai pesakit yang hampir tertutup matanya akibat selaput (cataracts)!

Jika anda mengetahui terdapat cahaya dan mata maknawi di bawah hijab yang tertutup di atas mata ahli iman, maka anda akan berkata: “Ribuan kesyukuran kepada *Rab Rahim*, Tuhan Yang Maha Penyayang.” Sebagai penjelasan bagi penawar ini, saya akan menceritakan peristiwa berikut:

Sulaiman yang berasal dari Barla sentiasa berkhidmat untuk saya tanpa jemu meskipun untuk tempoh sehari. Beliau tidak merasa sempit dada terhadap saya sepanjang lapan tahun berkhidmat untuk saya bahkan dia memberikan sepenuh kesetiaan dan penghormatan ... Beliau mempunyai seorang ibu saudara. Ibu saudara beliau ini menjadi buta dan tidak dapat melihat. Kesolehan wanita itu terlalu bersangka baik terhadap saya melebihi apa yang saya patut terima. Dia bergantung pada saya ketika saya dalam perjalanan keluar dari masjid dengan berkata: **“Saya memohon dengan nama Allah I agar anda berdoa kepada Allah I untuk menyembuhkan mata saya ini”**. Lalu dengan segeranya saya berdoa kepada Allah I dengan menjadikan kesolehan wanita beriman itu sebagai syafaat dan penguat doa saya. Saya berdoa kepada Allah I dengan penuh *tadharru'*, rendah hati dan bertawassul dengan berkata: “Ya Allah! Ya Tuhan kami! Dengan kelebihan dan kesolehan wanita ini, kembalikanlah penglihatannya.” Pada hari berikutnya, seorang doktor pakar mata dari wilayah Burdur yang berhampiran datang merawat wanita itu. Lalu Allah I

mengembalikan penglihatannya. Tetapi empat puluh hari kemudian, matanya kembali kepada keadaan asal, iaitu tidak dapat melihat semula. Saya merasa amat dukacita dan banyak berdoa. Saya berharap agar doa yang saya lakukan itu dimustajabkan meskipun di akhirat nanti, kerana jika tidak demikian, doa saya itu akan menjadi bencana kepadanya dengan tidak disengajakan. Namun wanita itu hanya bertahan hidup empat puluh hari sahaja, kerana selepas itu beliau menemui Tuhannya. Semoga Allah I merahmatinya.

Ketidaksempatan wanita yang diharapkan menikmati keindahan pemandangan taman-taman di Bandar Barla, serta terhibab pandangannya daripada melihat kehijauan yang indah dalam tempoh empat puluh hari, telah digantikan sekarang di dalam kuburnya dengan melihat syurga dan menyaksikan ribuan taman-taman syurga yang menghijau selama empat puluh ribu hari kerana keimanannya yang amat mendalam dan kesolehannya yang tinggi!

Ya, sesungguhnya apabila seseorang mukmin dilabuhkan hijab di hadapan matanya dan memasuki kubur dalam keadaan demikian, maka dia mampu melihat dunia cahaya berdasarkan darjat kedudukannya dengan pandangan yang lebih luas daripada pandangan ahli kubur yang lain. Kerana sebagaimana kita mampu melihat dengan mata kita kebanyakan benda yang wujud di atas dunia ini, sedang orang-orang beriman yang buta tidak dapat melihatnya, maka di dalam kubur nanti mereka yang buta itu akan dapat melihat dengan darjat yang sama jika mereka mempunyai keimanan, lebih banyak daripada apa yang dapat dilihat oleh ahli kubur yang lain. Mereka akan

menyaksikan taman-taman dan kenikmatan syurga seolah-olah mereka dibekalkan dengan teropong yang kuasanya adalah berdasarkan darjat masing-masing. Teropong ini dapat menangkap pandangan-pandangan syurga yang indah dan mempersembahkannya seperti layar di dalam panggung wayang di hadapan mata mereka yang tidak dapat melihat semasa berada di dunia.

Oleh itu, wahai saudaraku, anda boleh memperolehi mata nurani ini yang akan membongkar syurga dan segala apa yang terdapat di atas langit yang tinggi di sana meskipun anda berada jauh di bumi, dengan bersabar dan bersyukur di atas hijab yang menutup mata anda. Ketahuilah bahawa benda yang bijaksana dan amat mengetahui tentang mata serta mampu membuang hijab yang menutup mata anda agar anda dapat melihat dengan mata nurani itu hanyalah *al-Quran al-Hakim*.

|||

Penawar Kelima Belas

Wahai pesakit yang mengaduh kesakitan!

Janganlah anda mengaduh dan berkeluh kesah memandang kepada zahir penyakit anda yang jelek itu. Bahkan lihatlah kepada makna dan kandungannya. Bergembiralah dengan berkata: “**Alhamdulillah**”.

Jika penyakit tidak mengandungi sesuatu pengertian yang indah, nescaya Allah I yang *al-Khaliq al-Rahim*, Maha Mencipta lagi Maha Pengasih tidak menguji makhluknya yang paling dikasihi daripada kalangan para hambaNya dengan pelbagai jenis penyakit. Tersebut di dalam sebuah hadis:

أشد الناس بلاء الأنبياء ثم الأولياء ثم الأمتل فالأمتل.
“Golongan yang paling banyak terkena bala ialah para nabi, kemudian para wali, dan golongan yang seumpama mereka...”⁹

⁹ Terdapat beberapa hadis yang mempunyai pengertian hampir sama. Kesemuanya adalah sahih. Salah satu daripada hadis tersebut ialah: Daripada saudara perempuan Huzaifah r.a. bahawa Rasulullah p bersabda yang bermaksud:

“Golongan manusia yang paling banyak terkena bala ialah para nabi, kemudian para wali, kemudian golongan yang seumpama mereka dan begitulah seterusnya...”

Manusia yang paling banyak ditimpa bala ialah Nabi Ayyub a.s., seorang yang amat penyabar. Kemudian diikuti oleh para nabi yang lain, kemudian para wali dan para soleh. Kesemua mereka menerima bala penyakit tersebut dengan menganggapnya sebagai ibadat ikhlas dan hadiah ketuhanan. Mereka melaksanakan tugas bersyukur di samping kesabaran yang mereka tunjukkan. Mereka melihatnya sebagai sejenis operasi pembedahan yang dikurniakan oleh Allah I yang *al-Khaliq al-Rahim*, Maha Mencipta lagi Maha Pengasih kepada mereka.

Wahai pesakit yang sentiasa mengaduh dan mengerang! Jika anda berhasrat untuk turut menyertai kafilah nurani ini, maka anda hendaklah menunaikan kewajipan bersyukur di celah-celah kesabaran. Jika tidak, pengaduan yang anda lakukan akan menjadikan mereka enggan menggabungkan anda ke dalam kafilah mereka, bahkan anda akan mencampakkan diri anda ke dalam gaung kealpaan! Seterusnya anda akan melalui jalan yang penuh dengan kegelapan.

Terdapat beberapa jenis penyakit yang jika ia menyebabkan kematian akan menyebabkan orang yang mengalaminya memperolehi syahadah (mati syahid) maknawi, seterusnya mendapat *maqam wali* di sisi Allah I. Iaitu penyakit yang disebabkan oleh melahirkan anak,¹⁰ penyakit di dalam perut, lemas, terbakar dan taun. Jika seseorang meninggal dunia kerana perkara-perkara di atas,

Diriwayatkan oleh al-Tabarani di dalam al-Kabir
(Lihat Sahih al-Jami' al-Saghir no. 1005).

¹⁰ Syahadah maknawi ini tetap diperolehi selama kematian itu berlaku dalam tempoh nifas iaitu dalam tempoh empat puluh hari.

maka darjatnya akan ditinggikan sehingga mendapat syahadah maknawi. Terdapat juga beberapa penyakit yang jika mengakibatkan kematian akan menyebabkan orang yang mengidapnya memperoleh darjat wali di sisi Allah I.

Di samping penyakit yang dialami boleh mengurangkan kecintaan mendalam terhadap dunia dan kenikmatannya, serta mengurangkan keterikatan mendalam dengannya, ia juga boleh mengurangkan perasaan sedih dan pahit kerana berpisah dengannya seperti yang dialami oleh ahli dunia ketika mereka meninggalkan dunia ini. Bahkan penyakit itu boleh menyebabkan ia merasa kasih dan suka kepada kematian.



Penawar Keenam Belas

Wahai pesakit yang mengadu kegelisahan!

Penyakit yang dialami sebenarnya mengajar orang yang mengalaminya tentang ikatan kehidupan kemasyarakatan dan kemanusiaan yang paling penting dan indah, iaitu saling hormat menghormati dan perasaan berkasih sayang. Ikatan ini boleh menyelamatkan manusia daripada bersifat tidak memerlukan kepada orang lain, kerana sifat tidak memerlukan kepada orang lain akan menyebabkan seseorang hidup dalam keadaan terasing dan liar serta menghilangkan sifat belas kasihan daripada dirinya. Firman Allah I:

كَلَّا إِنَّ الْإِنْسَانَ لِرَبِّهِ لَكَنُفٍ * أَنْ رَأَاهُ اسْتَدْعَى

“Ingatlah! Sesungguhnya jenis manusia tetap melampaui batas (yang sepatutnya atau yang sewajibnya). Dengan sebab dia melihat dirinya sudah cukup apa yang dikehendakinya”.

(al-‘Alaq: 6-7)

Jiwa *ammarah* yang terjatuh ke dalam perangkap sifat ‘tidak memerlukan orang lain’ yang terhasil daripada kesihatan dan keafiatan yang berpanjangan dan berterusan, tidak akan memberikan penghormatan yang selayaknya terhadap hubungan persaudaraan. Ia juga tidak akan mempunyai perasaan rahmat dan belas kasihan terhadap mereka yang ditimpa musibah dan penyakit yang selayaknya

mendapat rahmat dan belas kasihan serta kasih sayang.

Tetapi jika seseorang itu ditimpa sakit, dia akan memahami betapa lemahnya dia, betapa dia memerlukan kepada orang lain ketika mengalami tekanan penyakit, kesakitan dan bebannya. Dia akan memberikan penghormatan kepada saudara-saudaranya yang beriman yang layak diberikan penghormatan kerana menjaganya ketika sakit, atau yang datang menziarahi ketika sakitnya. Begitu juga dia akan memiliki perasaan belas kasihan kemanusiaan yang merupakan suatu sifat keislaman yang penting terhadap mereka yang ditimpa musibah dan bala bencana sebagaimana dirinya. Lalu melimpah-limpahlah daripada hatinya perasaan kasih sayang dan belas kasihan dalam pengertian yang seluas-luasnya. Jika mampu, dia akan menghulurkan bantuan kepada mereka. Jika tidak, dia akan mula menadah tangan berdoa buat mereka, atau datang menziarahi mereka serta bertanya khabar tentang keadaan dan kerehatan mereka. Dengan itu, dia telah melaksanakan suatu sunnah yang dituntut dan memperolehi balasan pahala yang besar.



Penawar Ketujuh Belas

Wahai pesakit yang mengadu kerana tidak dapat menjalankan kerja-kerja kebajikan!

Bersyukurlah! Saya memberikan berita gembira kepada anda bahawa yang boleh membuka pintu kebajikan yang paling tulus ialah penyakit itu sendiri. Di samping penyakit boleh membawa pahala yang besar dan berterusan kepada pesakit dan orang-orang yang menjaganya kerana Allah I, ia juga merupakan cara terpenting yang menyebabkan doa dimaafkan.

Ya, menjaga orang yang sakit boleh mendatangkan pahala yang besar kepada orang beriman. Begitu juga dengan melakukan ziarah dan bertanya khabar tentang kesihatan dan kerehatan mereka juga merupakan amalan sunnah yang mulia¹¹ dan boleh menghapuskan dosa dalam waktu yang sama dengan syarat tidak menyusahkan mereka. **Terdapat hadis yang menyuruh kita meminta orang sakit berdoa kerana doanya adalah mustajab,**¹² khususnya apabila

¹¹ Daripada Jabir, sabda Rasulullah ﷺ yang bermaksud:

“Ziarah pesakit yang paling afdhal pahalanya ialah apabila orang yang menziarahi itu segera bangun dari sisi pesakit.”

Faidh al-Qadir, jil. 1, hlm. 1285.

¹² Rasulullah ﷺ bersabda yang bermaksud:

pesakit itu terdiri daripada kerabat terdekat kita, khususnya lagi jika pesakit itu adalah ibu atau bapa, maka jika kita memberikan perkhidmatan kepada mereka ketika mereka sakit ia merupakan suatu ibadat yang penting dan dalam masa yang sama ia adalah pahala yang besar. Menenangkan hati orang yang sakit dan menggembirakan mereka merupakan sedekah yang penting.

Alangkah gembiranya anak-anak yang menjaga ibu atau bapa ketika sakit dengan menggembirakan hati ibubapa mereka yang sensitif itu, lalu mereka mendapat keberkatan doa ibubapa mereka yang mustajab.

Hakikat yang berhak mendapat penghormatan dan kedudukan yang lebih tinggi dalam kehidupan masyarakat ialah kasih sayang kedua-dua ibubapa dan para anak yang baik, membalasnya dengan memberikan penghormatan dan kasih sayang yang mereka layak dapat ketika sakit. Situasi ini merupakan pandangan kesetiaan yang menampilkan kebajikan yang tinggi di sisi anak dan ketinggian sifat kemanusiaan hingga membangkitkan ketakjuban seluruh makhluk sehingga para malaikat mengalu-alukannya dengan *bertahlil*, *bertakbir* dan meninggikan suara dengan berkata: “*Masya Allah, Barakallah.*”

Sesungguhnya perasaan kasih sayang, belas kasihan dan

“Doa orang sakit adalah mustajab dan dosanya terampun.”

Musnad al-Firdaus, jil. 1, hlm. 280;

Jam’ al-Fawa’id, jil. 1, hlm. 333; Ibn Majah, no. 1441.

rahmat yang berlegar di sekitar pesakit dapat meleburkan kesakitan yang ditanggung oleh pesakit dan menukarnya kepada suatu bentuk kelazatan yang manis dan menggembirakan.

Penerimaan dan pemustajaban doa pesakit merupakan satu perkara yang patut diberikan perhatian. Sekitar tiga puluh hingga empat puluh tahun lalu, saya sering berdoa agar disembuhkan daripada sakit yang saya alami di bahagian belakang saya. Kemudian barulah saya mengerti bahawa sakit yang dialami dikurniakan kepada seseorang hanyalah agar dia berdoa. Oleh kerana doa tidak boleh menghilangkan dirinya, iaitu doa tidak boleh menghilangkan dirinya, maka natijahnya adalah berbentuk akhirat.¹³ Doa itu sendiri merupakan sejenis ibadat, kerana seseorang pesakit berlindung di bawah lindungan Ilahi ketika berada dalam keadaan lemah.

Oleh itu, walaupun telah 30 tahun saya berdoa agar sakit di bahagian belakang saya sembuh, tetapi ianya tidak dimaafkan. Namun itu sedikitpun tidak memalingkan saya atau menjadikan saya terfikir untuk meninggalkan doa meskipun sehari. **Ini adalah kerana sakit merupakan waktu dan ketika untuk berdoa. Sembuh pula bukanlah natijah daripada doa, bahkan ia adalah pemberian Allah I, *al-Hakim al-Rahim*, yang Maha Bijaksana lagi Maha Pengasih berdasarkan kelebihan dan kemuliaanNya semata-mata.**

Tambahan pula, doa yang tidak termaafkan tidak boleh

¹³ Sekalipun sebahagian penyakit menjadi sebab kepada wujudnya doa, tetapi jika doa menjadi sebab kepada terhapusnya penyakit, maka seolah-olah doa menjadi sebab kepada ketiadaan dirinya. Ini tidak mungkin berlaku. - Bediuzzaman Said Nursi

mendorong kita untuk berkata bahwa doa itu tidak mustajab. *Al-Khaliq al-Hakim*, Allah I yang Maha Mencipta lagi Maha Bijaksana itu lebih mengetahui daripada kita. Sesungguhnya Allah I memberikan sesuatu yang lebih baik dan bermanfaat kepada kita. Kadang-kadang Allah I menyimpan doa-doa keduniaan kita itu agar kita mendapat manfaatnya di akhirat nanti. Demikianlah bagaimana doa dimaqlbulkan olehNya. Walau bagaimanapun, doa yang terbit daripada keikhlasan dan rahsia penyakit yang datang daripada sifat kelemahan, kerendahan dan keberhajian, amat hampir untuk dimaqlbulkan. Sakit merupakan asas dan paksi kepada doa yang ikhlas seperti ini. Oleh itu, orang yang sakit dan mereka yang menjaganya ketika sakit sepatutnya mengambil faedah dan manfaat daripada doa ini.

|||

Penawar Kelapan Belas

Wahai pesakit yang tidak bersyukur dan tenggelam dalam rungutan!

Rungutan sepatutnya lahir daripada sesuatu hak manfaat yang hilang daripada anda. Sedangkan tiada hak anda yang dipersia-siakan yang menyebabkan anda patut merungut. Bahkan andalah yang sepatutnya menunaikan banyak hak yang anda belum menunaikan hak bersyukur padanya. Anda belum menunaikan hak Allah I ke atas anda. Lebih dari itu, anda juga merungut terhadap sesuatu yang batil, seolah-olah anda benar dalam tindakan itu. Anda tidak berhak untuk merungut dengan melihat kepada orang yang lebih sihat daripada anda, tetapi sepatutnya anda perlu melihat kepada orang yang lebih lemah dan lebih teruk sakit yang dialaminya daripada anda.

Anda sebenarnya ditugaskan untuk bersyukur sebanyak-banyaknya. Jika tangan anda patah, lihatlah kepada tangan yang terpaksa dipotong. Jika anda hanya memiliki sebelah mata sahaja, lihatlah kepada mereka yang kehilangan kedua-dua belah mata, agar anda bersyukur kepada Allah I.

Dari sudut kenikmatan, **tiada seorangpun yang berhak untuk melihat kepada orang yang lebih baik kedudukannya agar api rungutan bernyala marak di dalam dirinya, tetapi ketika ditimpa musibah seseorang mesti melihat dari sudut musibah itu kepada orang yang**

lebih teruk menghadapi musibah dan sakit agar dia bersyukur selepas itu dalam keadaan berpada dengan apa yang ada pada dirinya. Rahsia ini telah dijelaskan dalam sebahagian risalah yang lain. Contohnya seperti berikut:

“Seorang lelaki memimpin tangan seorang miskin menaiki sebuah menara hingga ke puncaknya. Pemimpin itu memberikan hadiah kepada si miskin pada setiap tingkat menara. Akhirnya ketika sampai di puncak menara, lelaki itu memberikan hadiah yang paling besar dan berharga kepada si miskin itu. Sepatutnya si miskin itu mengucapkan terima kasih terhadap pelbagai jenis hadiah yang diberikan kepadanya, tetapi dia lupa terhadap segala hadiah yang diterimanya pada setiap tingkat menara, atau dia menganggapnya tidak bernilai lalu dia tidak berterima kasih kerana dia melihat kepada orang yang lebih tinggi darjatnya daripada dirinya. Seterusnya dia berkata dan merungut: “Kalaulah menara ini lebih tinggi, nescaya saya boleh mencapai darjat yang lebih tinggi! Kenapa ketinggian menara ini tidak sama dengan gunung di sana atau menara di sebelah?”

Jika miskin itu merungut sedemikian rupa, maka alangkah besarnya kekufuran nikmat yang dilakukannya dan alangkah besarnya pelampauan hak yang dibuatnya.

Demikian juga halnya dengan keadaan manusia yang datang ke dunia ini daripada ‘ketiadaan’, dengan menjadi manusia muslim yang banyak memperolehi segala macam jenis nikmat kesihatan dan afiat serta dapat mengecap darjat kenikmatan yang tinggi. Dia tidak menjadi batu, pokok dan binatang. Meskipun demikian, dia tetap menampilkan

rungutannya ketika sakit kerana tidak memperolehi kesihatan dan keafiatan hasil daripada sesetengah penyakit yang dialaminya, atau kerana dia sendiri yang mensia-siakan nikmat lantaran kesalahannya sendiri, atau kesilapannya ketika menggunakan nikmat itu, atau dia tidak mampu mencapai nikmat tersebut, kemudian dia tergesa-gesa berkata: “Apakah yang telah aku lakukan, sehingga berlaku kepadaku apa yang berlaku?” Dia berkata demikian dalam keadaan mengkritik Rububiyah dan Uluhiyyah Allah I Keadaan ini menggambarkan kesakitan maknawi dan musibah yang lebih besar daripada penyakit dan musibah yang dialaminya. Dia sebenarnya menambahkan sakitnya dengan rungutan itu, seperti seorang memasuki pertandingan gusti sedangkan tangannya telah sedia tercedera. Tetapi orang yang berakal akan sentiasa mengingati firman Allah I:

الَّذِينَ إِذَا أَصَابَهُمْ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ
رَاجِعُونَ

“(Iaitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: “Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali”.

(al-Baqarah: 156)

Lalu dia menyerahkan segalanya kepada Allah I dalam keadaan sabar sehingga penyakit itu berakhir dan menjalankan tugas seterusnya.

Penawar Kesembilan Belas

Perkataan *Asmaul Husna* yang digunakan bagi menggambarkan semua nama-nama *al-Jamil Zul-Jalal*, Allah I yang Maha Indah lagi Maha Mulia menunjukkan bahawa semua nama-nama tersebut adalah indah kesemuanya. Kehidupan adalah cermin ketuhanan yang paling indah dan paling halus. Cermin kepada sesuatu yang indah adalah indah juga. Cermin yang memancarkan keindahan sesuatu yang indah akan juga menjadi indah. Segala sesuatu yang indah yang mengenai cermin tersebut, akan menjadi indah juga. Oleh itu, dari sudut hakikat, segala yang menimpa kehidupan ini adalah juga indah kerana ia sebenarnya menampilkan dan memperlihatkan buatan ukiran yang indah bagi nama-nama Allah I yang indah itu.

Jika kehidupan terus menerus berada dalam keadaan sihat walafiat, nescaya ia akan menjadi sesuatu yang mempunyai kekurangan dan tidak sempurna. Bahkan sedikit sebanyak kehidupan akan merasa ‘ketiadaan’ dan sia-sia. Oleh itu, ia akan mengalami keazaban dan kesempitan. Nilai kehidupan akan merudum. Kelazatan dan kesenangan umurnya akan bertukar menjadi kesakitan dan kedukacitaan. Oleh itu, manusia akan terperosok ke dalam lumpur kemaksiatan atau sarang permainan dan porak peranda yang akan merampas segala kelazatan hidup meskipun sebelum umurnya berakhir. Ia adalah umpama

seorang banduan yang memusuhi umurnya sendiri yang berharga itu lalu membunuh dirinya dengan segera kerana mahu menamatkan tempoh tahanannya.

Tetapi kehidupan yang berlangsung dalam keadaan dipenuhi dengan pelbagai pertukaran dan perubahan serta mengalami keadaan dalam berbagai-bagai bentuk dan peringkat, maka kehidupan itu akan merasa bahawa ia mempunyai nilai dan kedudukan yang tinggi. Kehidupan seumpama ini akan menatijahkan bahawa umurnya adalah penting dan memberikannya kelazatan yang menakjubkan. Hinggakan anda akan dapati seseorang itu tidak mahu umurnya berlalu meskipun dia mengalami pelbagai jenis kesulitan dan musibah. Dia sedikitpun tidak mengeluh dan menyesalinya. Dia berkata: “Harap-harap, janganlah matahari tenggelam, dan janganlah malam berlalu.”

Sebaliknya, anda boleh bertanya kepada seorang kaya yang tidak berbuat apa-apa. Segala yang diinginkan boleh diperolehinya dengan mudah. Tanyalah kepadanya: “Bagaimana keadaan anda?” Anda pasti akan mendengar dia mengeluarkan perkataan-perkataan yang menggambarkan kesakitan dan penyesalan, seperti: “Aah ... Kenapa lambat benar masa ini berlalu? Mahukah anda datang kepada saya dan kita mencari suatu permainan yang boleh mengisi masa kita ini? Marilah kita bermain terup sekejap!” Atau anda mungkin akan mendengar pelbagai pengaduan yang menunjukkan dia adalah seorang yang mempunyai angan-angan yang panjang, seperti: “Pekerjaan saya ada kekurangan. Alangkah baiknya jika saya berbuat sekian-sekian ...” Tetapi jika anda bertanya kepada seorang fakir yang tenggelam di dalam musibah atau seorang fakir yang giat bekerja:

“Bagaimana keadaan anda?” maka jika dia seorang yang mendapat petunjuk, dia akan berkata:

“Saya berada dalam keadaan baik. *Alhamdulillah*. Segala puji bagi Allah I. Ribuan kesyukuran buat Tuhanku. Saya sentiasa berusaha. Alangkah baiknya jika matahari tidak tenggelam dengan cepat agar saya dapat menghabiskan kerja saya. Waktu amat cepat berlalu. Umur juga berlalu tanpa berhenti. Meskipun sebenarnya saya berada dalam keadaan kesusahan dan kesulitan, tetapi ia tetap akan berakhir juga. Semua perkara berada di atas landasan yang sama!” Dengan perkataan ini, si fakir itu sebenarnya menggambarkan tentang nilai dan kepentingan umur di samping kedukacitaannya terhadap umur yang melarikan diri daripadanya.

Oleh itu, dia mengetahui bahawa kelazatan umur dan nilai kehidupan hanya diperolehi dengan kesukaran dan kesulitan. Manakala kerehatan, kemewahan dan kesihatan hanya menjadikan kehidupan ini pahit dan membebankan kerana ia akan menyebabkan seseorang itu bercita-cita agar dapat menyelamatkan diri daripadanya dengan segera.

Wahai saudaraku yang sakit!

Ketahuiilah bahawa punca segala musibah dan kejahatan bahkan punca segala dosa ialah ‘ketiadaan’ sebagaimana telah dibuktikan dengan bukti yang kukuh dan terperinci di dalam risalah-risalah yang lain. ‘Ketiadaan’ adalah keburukan dan kegelapan sepenuhnya.

Maka keadaan-keadaan ‘berhenti’ yang merupakan kerehatan dan ketenangan dalam bentuk yang sama selama-lamanya adalah amat menyerupai dengan

‘ketiadaan’ dan ‘kesia-siaan’. Kehampiran dan keserupaan ini menjadikan kehidupan ini diselaputi dengan kegelapan yang wujud pada ‘ketiadaan’ dan menjadikannya berada dalam keadaan keluh kesah dan kesempitan. Manakala keadaan ‘pergerakan’ dan ‘perubahan’ pula, maka ia adalah kewujudan dan menjadikan kehidupan itu dirasai kewujudannya. ‘Kewujudan’ adalah satu kebaikan dan cahaya yang sejati.

Oleh kerana inilah hakikatnya, maka penyakit yang berada pada diri anda sebenarnya ia adalah tetamu yang diutuskan kepada anda untuk melaksanakan tugasnya yang banyak. Dia bertugas membersihkan, menguat dan mempertingkatkan kehidupan anda serta mengarahkan seluruh jentera lain yang berada pada diri anda agar membantu anggota badan anda yang sakit. Dia juga menampilkan ukiran segala nama-nama Allah I yang *al-Sani’ al-Hakim*, yang Maha Pembuat lagi Maha Bijaksana. Tugasnya akan berakhir tidak lama lagi, insya Allah. Ia akan pergi melaksanakan tugasnya yang lain pula. Ia akan berkata kepada keadaan sihat:

“Marilah ke sini sekarang untuk menggantikan tempat saya selamanya. Mulakan semula tugas anda. Inilah tempat anda. Terimalah dan tinggallah di sini dalam keadaan baik”.

Penawar Kedua Puluh

Wahai pesakit yang mencari penawar!

Ketahuilah bahawa penyakit terbahagi kepada dua jenis. Pertama penyakit hakiki (sebenar) dan kedua ialah penyakit yang disangkakan (*wahmi*).

Mengenai penyakit hakiki: Allah I *al-Syafi' al-Hakim Zul-Jalal*, yang Maha Penyembuh, Maha Bijaksana lagi Maha Mulia telah menjadikan penawar atau ubat bagi setiap penyakit. Penawar itu disimpannya di dalam khazanah farmasiNya yang agung, iaitu muka bumi ini. Penawar-penawar itu memerlukan penyakit. Allah I telah mencipta bagi setiap penyakit ada ubatnya. **Oleh itu, menggunakan penawar bagi tujuan perubatan adalah dibenarkan. Tetapi mestilah diketahui bahawa penyembuhan dan kesan ubat tidak berlaku melainkan daripada Allah I. Sebagaimana Allah I mengurniakan penyakit, begitulah juga Dia mengurniakan penyembuhan.**

Seseorang muslim mesti berpegang teguh dengan tunjuk ajar dan arahan doktor yang pakar. Ia adalah penawar yang paling penting, kerana kebanyakan penyakit lahir daripada penggunaan ubat yang tidak betul, tidak berpantang, tidak menghiraukan tunjuk ajar yang diberikan, boros, dosa, kemaksiatan dan tidak berhati-hati. Tidak syak lagi, seseorang doktor yang baik akan memberikan nasihat dan pesanan dalam batasan sempadan yang dibenarkan. Dia

juga akan memberikan amaran akibat daripada penggunaan ubat dengan cara yang tidak betul. Di samping itu dia juga akan sentiasa menghiburkan hati para pesakitnya dan memberikan pengharapan. Ini akan menyebabkan sesuatu penyakit yang ditanggung oleh pesakit akan berkurang kerana nasihat, pesanan dan hiburan yang diberikan oleh doktor. Bahkan dia akan bergembira sebagai ganti daripada perasaan sempit dan gelisah.

Manakala mengenai penyakit ‘yang disangkakan’ (*wahmi*): Maka penawarnya yang paling berkesan ialah dengan ‘tidak menghiraukannya’. Kerana sesuatu yang ‘disangkakan’ akan membesar dan melebar apabila ia sentiasa diambil berat. Jika tidak dihiraukan, ia akan mengecil dan mengecut. Apabila seseorang manusia mengganggu sarang tebuhan, maka semua tebuhan akan berkumpul dan menyerangnya, tetapi apabila dia tidak menghiraukan sarang tersebut, tebuhan itu berpecah-pecah dan berselerak.

Jika seseorang sentiasa bermain-main dengan khayalannya dengan penuh perhatian, dengan dia mengkhayalkan wujud seutas tali yang tergantung di dalam gelap, maka khayalannya itu akan menjadi besar bahkan kadang-kadang boleh menyebabkannya melarikan diri persis seorang gila yang ketakutan. Tetapi jika dia tidak ambil peduli terhadap khayalannya, maka pasti dia akan mengetahui bahawa apa yang disangkakannya itu hanyalah seutas tali, bukannya seekor ular yang besar ... Lalu dia akan merasa malu terhadap sangkaannya yang bukan-bukan. Begitu juga dengan sakit ‘yang disangkakan’ ini, jika banyak dan membesar, ia akan bertukar menjadi penyakit hakiki. ‘Sangkaan’ di sisi seorang yang sensitif dan panik merupakan satu penyakit yang amat menyusahkan, kerana dia

menjadikan sesuatu yang kecil menjadi amat besar sekali. Dengan itu, kekuatan maknawinya akan lenyap, terutamanya ketika dia hanya menemui doktor palsu berhati keras yang tidak memiliki perasaan belas kasihan, atau doktor yang tidak bersikap adil. Doktor ini akan menghasut dan membangkitkan lagi sangkaannya sehingga jika dia seorang yang kaya akan menjadi miskin, atau hilang akalanya, bahkan dia boleh kehilangan kesihatannya sama sekali.



Penawar Kedua Puluh Satu

Wahai saudaraku yang sakit!

Memang benar, terdapat kesakitan fizikal pada penyakit yang anda alami. Tetapi terdapat kelazatan maknawi penting yang sedang mengelilingi anda. Kelazatan ini menghapuskan segala kesakitan fizikal itu, kerana kesakitan fizikal itu tidak dapat mengatasi belas kasihan dan belas kasihan yang amat lazat itu, yang tidak anda perolehi semenjak kecil lagi. Ia terbit sekali lagi sekarang di dalam hati kedua ibu bapa dan kaum kerabat anda, jika anda mempunyai ibu bapa dan kaum kerabat. Anda akan mengingati kembali layanan mesra dan pandangan keibubapaan yang penuh dengan kasih sayang sebagaimana yang anda perolehi ketika zaman kanak-kanak. Segala dinding akan terungkai daripada kaum kerabat anda lalu mereka akan menjaga anda semula dan mendekati anda dengan mencurahkan segala perasaan kasih sayang dan kemesraan kerana tarikan penyakit yang ada pada diri anda dan membangkitkan perasaan dalaman mereka. Alangkah mudahnya kesakitan-kesakitan fizikal yang anda alami jika dibandingkan dengan perkhidmatan yang dipenuhi dengan kasih sayang dan kemesraan yang diberikan oleh mereka. Ketika sihat, andalah yang sentiasa berusaha dengan penuh kebanggaan untuk berkhidmat kepada mereka dan memperoleh keredhaan mereka. Tetapi ketika anda sakit, anda pula yang menjadi tuan yang memerintah mereka.

Dengan penyakit yang anda alami itu juga, anda bakal beroleh lebih ramai orang yang menyayangi dan membantu anda dengan penuh kasih sayang daripada tiada. Dengan itu, anda menggabungkan mereka ke dalam golongan yang berhak mendapat kelembutan dan kasih sayang kemanusiaan yang disifat semulajadikan kepada manusia.

Di samping itu, dengan penyakit yang anda alami itu juga, anda berpeluang mengambil cuti daripada tugas anda yang sulit dan memberatkan. Anda sekarang tidak perlu melakukannya, bahkan anda sekarang sedang berehat daripada melakukannya ... Oleh itu, sudah tentu tidak seharusnya hanya dengan sedikit kesakitan fizikal yang anda alami itu menyebabkan anda mengadu dan mengeluh, bahkan sepatutnya anda bersyukur terhadap kelazatan-kelazatan maknawi itu.



Penawar Kedua Puluh Dua

Wahai saudaraku yang mengalami penyakit berat seperti lumpuh!

Pertamanya saya membawa berita gembira kepada anda bahawa lumpuh dianggap sebagai satu penyakit yang diberkati bagi seseorang mukmin ... Saya mendengar tentang perkara ini semenjak lama dahulu daripada para wali yang soleh. Ketika itu, saya tidak mengetahui rahsianya. Sekarang, terlintas pada fikiran saya, salah satu daripada rahsianya:

Sesungguhnya para wali yang sampai kepada Allah I bagi menyelamatkan diri mereka daripada bahaya maknawi besar yang datang dari dunia untuk menjamin kebahagiaan abadi di akhirat. Mereka memilih dua asas berikut:

Pertama: Ikatan kematian, iaitu mereka berusaha bagi memperolehi kebahagiaan di dalam kehidupan yang abadi dengan sentiasa berfikir tentang kebinasaan dunia dan bahawa diri mereka hanyalah tetamu yang dipergunakan bagi melaksanakan tugas-tugas yang berbentuk sementara sahaja.

Kedua: Mematikan jiwa yang *ammarah bi al-su'* (sentiasa menyuruh melakukan keburukan) dengan melakukan mujahadah dan latihan kerohanian bagi menyelamatkan diri daripada kebinasaan jiwa dan perasaan yang

tidak melihat kesudahannya.

Wahai saudaraku yang kehilangan separuh daripada kesihatan dirinya! Terdapat dua asas yang pendek dan mudah telah diletakkan pada diri anda tanpa anda memilihnya. **Kedua-dua asas tersebut membentangkan jalan bagi anda mencapai kebahagiaan abadi. Kedua-duanya juga sentiasa memberitahu keadaan anda dan mengingatkan anda bahawa dunia dan manusia ini akan binasa. Ketika itu, dunia tidak lagi dapat menyekat dan menghalang pernafasan anda, dan kealpaan juga tidak akan berani lagi menutup mata anda.** Jiwa yang *ammarah* tidak akan berjaya mempergunakan nafsu syahwat yang hina bagi menghasut seseorang yang hanya berbentuk separuh manusia (kerana dia lumpuh). Oleh itu, dia akan terselamat daripada segala bala dan keburukan nafsu itu dengan segera.

Demikianlah, melalui rahsia keimanan, penyerahan diri dan tawakkal, seseorang mukmin memperolehi banyak faedah daripada penyakitnya yang besar seperti lumpuh itu dalam tempoh waktu yang paling singkat, persis faedah yang diperolehi oleh golongan yang melakukan mujahadah dari kalangan *ahl al-wilayah* (wali) yang melakukan *riadhah* (latihan) di tempat-tempat iktikaf mereka. Ketika itu, penyakit fizikal yang dialaminya itu hanyalah merupakan perkara yang kecil dan kerdil.

Penawar Kedua Puluh Tiga

Wahai pesakit yang keseorangan, kesunyian dan lemah!

Jika kesunyian anda dan ketiadaan sesiapa yang menjaga anda di samping penyakit yang anda alami menjadi sebab kepada belas kasihan dan kelembutan walaupun daripada hati-hati manusia yang keras terhadap anda. Maka dapatkah ia menyamai pandangan rahmat Allah I, Tuhan Pencipta yang punya jelmaan kebaikan pada setiap permulaan surah al-Quran yang menyifatkan diriNya sebagai *al-Rahman al-Rahim*, Tuhan yang Maha Pemurah lagi Penyayang? Sesungguhnya Dialah juga yang menjadikan semua para ibu sanggup bertungkus lumus demi mendidik anak-anak mereka melalui secebis perasaan belas kasihan dan kasih sayang yang amat menakjubkan yang dicampakkan ke dalam hati mereka ... Dialah juga yang memenuhkan muka bumi ini dengan pelbagai jelmaan rahmat, nikmat dan kelebihanNya ... Melalui jelmaan rahmatNya juga, Dia menjadikan syurga kelihatan amat dekat serta dipenuhi dengan pelbagai keindahanNya. Keimanan dan perlindungan anda di bawah naungan *al-Khaliq al-Rahim*, yang Maha Pencipta lagi Maha Penyayang melalui lisan anda yang lemah dan terhasil daripada penyakit yang anda alami, serta pengharapan dan kerandahan hati (*tadharru'*) anda kepadaNya, menjadikan penyakit, keseorangan dan kesunyian yang anda alami sebagai suatu matlamat dan wasilah yang mendatangkan

pandangan rahmat daripadaNya, kerana pandanganNya mengatasi segala sesuatu.

Selama mana Dia wujud dan memandang kepada anda, maka segala sesuatu yang lain juga wujud bagi anda. Orang yang sebenarnya berada dalam keseorangan dan kesunyian ialah orang yang tidak mempunyai hubungan keimanan dan penyerahan diri kepadaNya, atau memandang enteng hubungan tersebut.

|||

Penawar Kedua Puluh Empat

Wahai para jururawat yang merawat kanak-kanak yang tidak berdosa dan orang-orang tua yang pada hakikatnya adalah sama dengan kanak-kanak kerana lemah dan tidak bermaya!

Di hadapan anda terdapat perniagaan akhirat yang amat penting. Anda hendaklah merebut perniagaan ini. Hendaklah anda sentiasa merasa rindu kepadanya dan berusaha bersungguh-sungguh untuk memperolehnya.

Penyakit yang dialami oleh kanak-kanak adalah suntikan-suntikan tarbiah Rabbani bagi tubuh badan mereka yang masih lembut dan lemah, agar mereka membiasakan diri dengannya supaya mereka dapat menghadapi segala kesulitan kehidupan pada masa akan datang. Penyakit-penyakit itu juga mengandungi pelbagai hikmat dan faedah sama ada untuk kehidupan mereka di dunia mahupun di akhirat. Jadi penyakit-penyakit itu dapat membersihkan kehidupan kanak-kanak secara maknawi, sebagaimana ia juga dapat membersihkan kehidupan orang-orang yang sudah dewasa dengan menghapuskan segala dosa yang dilakukan. Maka suntikan-suntikan itu merupakan asas kepada peningkatan diri secara maknawi dan paksinya pada masa akan datang bagi kanak-kanak yang kecil itu, atau untuk kepentingan akhirat mereka.

Pahala yang terhasil daripada penyakit-penyakit

seumpama ini akan tercatat di dalam lembaran amalan kedua ibu bapa atau di dalam lembaran amalan kebaikan ibu yang lebih mengutamakan kesihatan anaknya daripada kesihatan dirinya sendiri kerana rahsia perasaan kasih sayang yang terdapat dalam dirinya, sebagaimana yang telah dapat dibuktikan di sisi ahli hakikat.

Menjaga dan mengambil berat terhadap orang-orang tua yang sakit menjadi paksi kepada memperolehi pahala yang besar, terutamanya jika orang tua itu ialah ibu bapanya sendiri. Ia juga akan menyebabkan seseorang memperolehi doa mereka, di samping itu hati mereka akan gembira jika perkhidmatan yang diberikan kepada mereka dilakukan dengan penuh kesetiaan dan ikhlas. Ia juga menyebabkan seseorang mendapat kebahagiaan di dunia dan juga di akhirat. Ini sebagaimana terbukti di dalam banyak riwayat yang sahih dan peristiwa sejarah. **Oleh itu, seseorang anak yang soleh dan berbakti kepada kedua ibu bapanya yang lemah, akan melihat anak-anaknya juga akan memberikan ketaatan yang sama kepadanya pada kemudian harinya. Sebaliknya, anak derhaka yang sentiasa menyakiti ibu bapanya, di samping dia akan dihumban ke dalam azab di akhirat, di dunia juga akan tenggelam di dalam pelbagai kemusnahan.**

Tetapi yang dimaksudkan di atas bukanlah penjagaan terhadap orang-orang tua dan lemah serta tidak berdosa itu dari kalangan kaum kerabat terdekat sahaja. Bahkan jika seseorang mukmin terjumpa seorang tua yang sakit dan memerlukan penjagaan serta patut diberikan penghormatan, maka menjadi kewajipannya untuk memberikan per-

khidmatan dengan penuh kesungguhan dan keikhlasan, selagimana terdapat persaudaraan keimanan sejati. Inilah yang dituntut oleh Islam.

|||

Penawar Kedua Puluh Lima

Wahai saudara-saudaraku yang sakit!

Jika anda merasakan keperluan kepada suatu penawar suci yang amat bermanfaat atau suatu ubat yang mengandungi kelazatan yang hakiki bagi setiap penyakit, maka anda hendaklah sentiasa memperteguh dan menggilap iman anda. Iaitu dengan melakukan taubat, istighfar, solat dan ibadat, kerana ia adalah penawar suci yang tercerna melalui peningkatan keimanan.

Sesungguhnya orang-orang yang alpa dan lalai kerana kecintaan mereka terhadap dunia dan kebergantungan mereka yang teramat terhadapnya menjadikan seolah-olah mereka memiliki suatu keperibadian maknawi yang sedang mengalami sakit tenat, yang penyakitnya sebesar dunia ini sendiri. Lalu iman yang masih ada menghentakkan pukulan maut kepada jasad yang sedang sakit itu sebagai ubat yang menyembuhkan dan menyelamatkannya daripada luka dan kecederaan. Kami telah membuktikan di dalam beberapa risalah bahawa iman memberikan penawar yang hakiki. Untuk tidak memanjangkan perkara ini, saya ringkaskannya seperti berikut:

Penawar iman jelas memperlihatkan kesannya dengan melakukan perkara-perkara fardhu yang termampu dilakukan oleh seseorang. Manakala kealpaan, kemaksiatan, penurunan hawa nafsu dan permainan yang tidak dibenarkan syarak

boleh membatalkan kesan penawar tersebut.

Oleh sebab penyakit dapat menghilangkan selaput kejahatan, memadamkan api syahwat dan menghalang benda-benda yang ditegah daripada memasuki tubuh badan, maka hendaklah anda mengambil manfaat daripadanya. **Gunakanlah penawar keimanan yang hakiki dan cahaya qudus dengan bertaubat, istighfar, doa dan pengharapan agar Allah I menyembuh dan menjadikan penyakit anda sebagai penghapus dosa. Amin ... Amin ... Amin ...**

Firman Allah I:

وَقَالُوا الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلَا
أَنْ هَدَانَا اللَّهُ لَقَدْ جَاءَتْ رَسُولُ رَبِّنَا بِالْحَقِّ

Mereka berkata: “Segala puji tertentu bagi Allah yang telah memberi hidayah petunjuk untuk (mendapat nikmat-nikmat) ini, padahal kami tidak sekali-kali akan memperoleh petunjuk kalau Allah tidak memimpin kami (dengan taufiqNya). Sesungguhnya telah datang rasul-rasul Tuhan kami dengan membawa kebenaran”.

(al-A’raf: 43)

قَالُوا سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ
الْحَكِيمُ

“Malaikat itu menjawab: “Maha suci Anda (Ya Allah)! Kami tidak mempunyai pengetahuan selain dari apa yang Anda ajarkan kepada kami. Sesungguhnya Anda jualah yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana”.

(al-Baqarah:32)

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ طِبِّ الْقُلُوبِ وَ دَوَائِهَا وَ

عَافِيَةَ الْأَبْدَانِ وَ شِفَائِهَا وَ نُورَ الْأَبْصَارِ وَ ضِيَائِهَا وَ
عَلَى آلِهِ وَ صَحْبِهِ وَ سَلِّمْ

Ya Allah, berilah rahmat ke atas penghulu kami, Nabi Muhammad ρ, yang dengan berkat baginda, Engkau menyembuhkan hati, menjadi penawar dan menyehatkan tubuh juga memberi kesembuhan penyakit, serta mengurniakan cahaya penglihatan. Dan kurniakanlah rahmat keberkatan dan kesejahteraan keatas keluarga dan sahabat baginda Nabi ρ.



Takziah Kerana Kematian Anak

[Ini adalah sepucuk surat yang dihantar oleh Ustaz Bediuzzaman Said Nursi ketika beliau berada di Barla kepada salah seorang murid Risalah an-Nur sempena kematian anaknya yang disayangi.]

Firman Allah I:

وإن من شيء إلا يسبح بحمده

“Dan tiada sesuatupun melainkan bertasbih dengan memujinya”.

(al-Isra’: 44)

وبشر الصابرين الذين إذا أصابتهم مصيبة قالوا إنا لله وإنا إليه راجعون

“Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar, (iaitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: “Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali”.

(al-Baqarah: 155-156)

Saudaraku! Saya amat merasa dukacita mendengarkan berita kematian anak saudara. Tetapi **الْحُكْمُ لِلَّهِ** “Segala keputusan dan ketetapan di bawah kekuasaan Allah”. Redha dan menerima qadar yang telah ditetapkan merupakan salah satu syiar Islam.

Saya berdoa kepada Allah I agar mengurniakan kesabaran kepada saudara. Saya juga berdoa agar anak saudara yang meninggal itu menjadi pembantu saudara di akhirat dan pemberi syafaat pada hari kiamat.

Kita akan menjelaskan lima noktah yang akan membawa khabar gembira dan memberikan hiburan hakiki kepada saudara dan kepada orang-orang mukmin seumpama saudara.

Noktah Pertama

Firman Allah I:

ولدان مخلدون

“... anak-anak muda lelaki yang tetap kekal (dalam keadaan mudanya)...”.

(al-Waqi’ah: 17)

Makna dan rahsia ayat di atas adalah sebagaimana berikut:

Sesungguhnya anak-anak orang beriman yang meninggal dunia sebelum baligh akan dikekalkan di dalam syurga sebagai kanak-kanak yang disenangi dan disayangi sebagaimana selayaknya dengan syurga ...

Mereka juga akan menjadi punca kegembiraan abadi di dalam dakapan ibubapa mereka yang dapat memasuki syurga...

Mereka juga akan menjadi jaminan kepada perasaan kasih sayang abadi bagi kedua ibubapa iaitu perasaan kasih sayang terhadap anak-anak serta bermanjaan dengan mereka...

Oleh kerana semua perkara yang lazat terdapat dalam syurga, “maka tidak benarlah mereka yang mengatakan bahawa tiada tempat bagi kasih sayang terhadap anak-anak dan bermanjaan dengan mereka di dalam syurga, dengan alasan kerana tiada proses kelahiran dan proses penerusan zuriat di dalam syurga” ...

Tetapi di dalam syurga terdapat kejayaan besar dengan sebab kasih sayang terhadap anak-anak dan bermanjaan dengan mereka sepanjang jutaan tahun tanpa diselaputi oleh sebarang kesakitan atau kekeruhan, jika dibandingkan dengan kasih sayang dan bermain-main dengan mereka dalam tempoh sepuluh tahun di dunia yang singkat dan diselubungi dengan pelbagai kesakitan.

Semua perkara ini direalisasikan oleh ayat tersebut;

ولدان مخلدون

“... anak-anak muda lelaki yang tetap kekal (dalam keadaan mudanya)...”.

Ayat ini menjadi paksi terbesar yang membawa kebahagiaan dan khabar gembira kepada orang-orang yang beriman.

Noktah Kedua

Pada suatu ketika, seorang lelaki yang baik dimasukkan ke dalam penjara. Anaknya yang disayangi juga dimasukkan bersama-samanya ke dalam penjara. Lelaki itu amat merasa sukar kerana kelemahannya menyediakan keselesaan yang sepatutnya bagi anaknya, di samping kesakitan-kesakitan peribadi yang dihadapinya. Pada suatu hari, raja menghantar seorang utusan kepada lelaki tersebut untuk memberitahu bagi pihak raja. Utusan itu pun berkata:

“Meskipun anak itu adalah anak anda, namun dia tetap salah seorang daripada rakyatku. Saya akan mengambilnya daripada anda untuk dididik di bawah naungan istana yang indah dan besar”.

Lelaki itu mula menangis, berdukacita dan berkeluh kesah. Dia berkata:

“Tidak. Saya tidak akan memberikan anak saya dan tidak akan menyerahkannya. Dia adalah penghibur bagiku!”

Kawan-kawannya di dalam penjara membantah. Mereka berkata:

“Wahai saudara! Janganlah anda terlalu mengambil kira tentang dukacita dan kesakitan anda. Jika anda berdukacita bagi anak anda, itu tidak memberikan apa-apa pengertian kerana dia akan tinggal di dalam istana yang luas dan dipenuhi dengan pelbagai kemewahan. Dia akan meninggalkan penjara yang tercemar, sempit dan berbau busuk ini. Jika anda berdukacita bagi diri anda sendiri, kerana anda mahu mendapatkan kemanfaatan peribadi sahaja, maka anak anda akan mengalami pelbagai kesulitan di samping kesempitan dan kesakitan yang hebat jika dia terus tinggal bersama anda di sini demi untuk memenuhi kemanfaatan sementara yang tidak dapat dipastikan bagi diri anda.

Tetapi jika anak anda tinggal di istana, itu akan menjadi salah satu daripada ribuan cara yang akan mendatangkan manfaat dan faedah kepada diri anda, kerana dia akan menjadi sebab yang menurunkan rahmat raja terhadap anda. Anak anda itu akan menjadi umpama pemberi syafaat. Sudah pasti suatu hari nanti, raja akan memberikan peluang kepada

anda untuk menemui anak anda agar anda merasa gembira. Raja tidak akan mahu agar anda bersedia untuk menerima kunjungan anak anda di penjara, dan raja tidak akan menghantar anak anda ke penjara untuk menemui anda, bahkan raja akan mengutus seseorang untuk menjemput anda ke istana bagi menemui anak anda. Itupun jika anda memberikan ketaatan dan kepercayaan kepadaNya”.

Berdasarkan perumpamaan ini wahai saudaraku yang mulia, anda dan orang-orang beriman seumpama anda hendaklah berfikir ketika mengalami kematian anak. Mereka hendaklah berkata: **“Anak itu tidak bersalah. PenciptaNya amat mengasihani dan amat mulia. Sebagai ganti daripada perasaan belas kasihan dan pendidikan yang tidak sempurna, dia sebenarnya telah didakap oleh naungan rahmat Ilahi yang maha luas. Rahmat Ilahi juga telah mengeluarkannya daripada penjara kesulitan dan kesakitan keduniaan, dan menghantarnya menuju kepada naungan syurga firdaus yang luas terbentang. Kegembiraan yang besar telah diperolehi oleh anak tersebut. Tiada siapa yang tahu apakah yang akan dilakukan oleh anak tersebut jika dia terus hidup di dunia. Oleh itu, saya tidak merasa dukacita terhadap kematiannya. Bahkan saya berpendapat dia adalah berbahagia dan bernasib baik.**

Tinggal lagi, saya memikirkan tentang kenikmatan peribadi bagi diri saya. Jika anak itu terus hidup di atas dunia ini, terdapat jaminan bagi saya untuk memberikan kasih sayang terhadap anak-anak dan bergurau senda dengan mereka dalam tempoh yang sementara selama lebih kurang sepuluh tahun. Dalam tempoh tersebut, sudah pasti ia diselubungi dengan pelbagai kesakitan, meskipun anak itu

menjadi seorang yang soleh lagi berbakti. Dia mungkin mempunyai kemampuan dalam urusan dunia yang membolehkannya membantu dan bekerjasama dengan saya. Tetapi dengan kematiannya, dia menjamin agar saya dapat merasakan nikmat kasih sayang terhadap anak-anak dalam tempoh ratusan juta tahun di dalam syurga yang abadi. Dia juga akan menjadi pemberi syafaat untuk saya memasuki kebahagiaan abadi. Oleh itu, saya tidak akan merasa sangat sakit kerana kehilangannya walaupun saya terpaksa mengenyepikan kemaslahatan saya sendiri. Kerana sesiapa yang kehilangan kemanfaatan segera yang belum lagi dapat dipastikan keberhasilannya, dalam masa yang sama dia akan mendapat seribu keuntungan pada masa akan datang yang sudah pasti akan dicapainya. Dia sepatutnya tidak akan memperlihatkan kedukacitaan yang menyimpannya kepada orang lain dan tidak akan mengeluh serta menyesal sama sekali!

Noktah Ketiga

Semua kanak-kanak yang meninggal merupakan makhluk yang diciptakan oleh tuhan yang maha mencipta dan maha mengasihani. Kanak-kanak itu juga adalah hambaNya. Bahkan seluruh jasad dan rohaninya merupakan salah satu daripada kejadian ciptaan Allah I. Dia juga adalah sahabat atau kawan yang dipinjamkan kepada kedua ibubapa untuk dipelihara dan dijaga dengan baik oleh mereka. Allah I telah menjadikan kedua ibubapa sebagai khadam yang setia kepadanya. Allah I juga mengurniakan kepada kedua ibubapa perasaan belas kasihan dan kelazatan sebagai ganjaran segera terhadap segala perkhidmatan yang mereka lakukan terhadap

anak mereka.

Tetapi sekarang ... setelah tiba masanya, *al-Khaliq al-Rahim*, Tuhan yang Maha Mencipta dan Maha Mengasihani itu yang juga menjadi pemilik hakiki kepada anak tersebut telah mengambilnya daripada anda berdasarkan rahmat dan hikmatNya yang tersendiri dengan menamatkan khidmat anda terhadap anak itu. Dia adalah Tuhan yang memiliki sembilan ratus sembilan puluh sembilan daripada seribu bahagian anak itu jika dibandingkan dengan satu bahagian sahaja yang dimiliki oleh anda. Itu pun jika kita dapat mengatakan ia adalah bahagian yang selayaknya bagi kedua ibubapa. Oleh itu, adalah tidak layak bagi ahli iman untuk berdukacita, berkeluh kesah dan bertempik-tempik ketika kehilangan anak, kerana perbuatan tersebut akan menunjukkan rasa tidak puas hati terhadap Tuhan yang memilikinya dengan pemilikan yang mutlak. Perbuatan tersebut hanya layak bagi ahli kealpaan dan kesesatan.

Noktah Keempat

Jika dunia ini adalah kekal abadi ... jika manusia hidup selama-lamanya ... atau jika perpisahan adalah abadi, maka barulah ketika itu kesedihan dan kekecewaan mempunyai sedikit pengertian dan faedah.

Tetapi, oleh kerana dunia ini hanyalah tempat persinggahan, maka ke mana sahaja anak yang meninggal itu pergi, semua kita pasti akan ke sana suatu hari nanti.

Kematian pula tidak hanya dihadapi olehnya seorang, tetapi ia merupakan jalan yang akan ditempuhi oleh semua orang. Semua orang yang berada di atas muka bumi pasti akan melaluinya pada suatu hari nanti.

Oleh kerana kehidupan ini tidak abadi, maka akan berlaku pertemuan pada hari-hari yang mendatang, di alam barzakh dan di dalam syurga, oleh itu kita sepatutnya berkata:

الْحُكْمُ لِلَّهِ

“Segala keputusan dan ketetapan di bawah kekuasaan Allah”.

Allah I memiliki segala yang diberikan kepada kita dan segala yang diambilnya daripada kita. Kita hendaklah mengharap kan ganjaran daripada Allah I, penuh kesabaran dan bersyukur dengan berkata:

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى كُلِّ حَالٍ

“Segala puji bagi Allah pada setiap keadaan”.

Noktah Kelima

Sesungguhnya belas kasihan dan kasih sayang merupakan jelmaan dan manifestasi rahmat ilahi yang paling lembut, indah, baik dan manis. Ia juga adalah hakikat nurani yang lebih tajam dan lebih menembus daripada perasaan cinta dan asyik.

Keasyikan palsu dan kecintaan keduniaan yang menghadapi pelbagai kesulitan yang amat banyak boleh bertukar menjadi keasyikan hakiki lalu seseorang yang mengalami keasyikan ini akan menemui Allah I. Begitu juga dengan perasaan belas kasihan atau rahmat ini yang tidak menghadapi apa-apa kesulitan pun dapat menghubungkan hati manusia dengan Allah I melalui jalan yang paling singkat dan dalam bentuk yang paling suci.

Sesungguhnya ibubapa mengasihi anak mereka dengan perasaan kasih sayang yang memenuhi dunia ini. Ketika anak mereka diambil, jika mereka tetap merasa bahagia kerana mereka terdiri daripada ahli iman, maka mereka akan memalingkan muka daripada dunia. Ketika itu mereka akan mendapati *al-Munim al-Hakiki*, Allah I Tuhan Pemberi Nikmat yang Hakiki berada di samping mereka. Mereka juga akan berkata: **“Oleh kerana dunia ini akan fana’ dan binasa, maka adalah tidak layak kita mengikatkan hati dengannya”**. Mereka akan memperolehi ikatan teguh di sebalik kematian anak mereka dan memperolehi keadaan kerohanian maknawi yang tinggi.

Sesungguhnya ahli kealpaan dan kesesatan terhalang daripada mendapat kebahagiaan dan kegembiraan di sebalik kelima-lima hakikat ini. Bandingkanlah dengan segala keadaan kesakitan yang dialami iaitu ketika seorang wanita tua daripada mereka kehilangan anak mereka yang satu-satunya amat dikasihi. Pemikirannya akan terus memikirkan tentang tanah kubur, bukan tentang tempat tidurnya yang selesa, kerana dia menggambarkan kematian sebagai suatu yang ‘tiada’ dan ‘perpisahan yang abadi’. Ini adalah kerana dia menyangka bahawa keabadian itu hanyalah di dunia dan natijah daripada perasaan kealpaan dan kesesatan yang menyelaputinya. Oleh itu, tidak terlintas di dalam pemikirannya rahmat ilahi, syurgaNya dan nikmat syurga firdausNya yang kekal abadi.

Dengan itu, anda boleh bayangkan betapa kekecewaan, penderitaan dan kedukacitaan yang dialami oleh ahli kealpaan dan kesesatan sehingga tidak lagi mempunyai sebarang pengharapan. Sementara Islam dan iman yang merupakan dua wasilah untuk memperolehi kebahagiaan abadi berkata

kepada orang yang beriman:

“Si anak yang mengalami pelbagai kesakitan ketika sakaratul maut itu akan dikirim oleh *al-Khaliq al-Rahim*, Penciptanya yang Maha Mengasihani kepada kesucian syurgaNya setelah dia dikeluarkan daripada dunia yang jijik ini. Lebih dari itu, Allah I akan menjadikannya sebagai pemberi syafaat kepada anda, sebagaimana Allah I juga akan menjadikannya sebagai anak anda yang abadi. Oleh itu, janganlah anda merasa gundah gelana dan janganlah berdukacita, kerana perpisahan hanya sementara. Bersabarlah dan berkatalah:

الْحُكْمُ لِلَّهِ

“Segala keputusan dan ketetapan di bawah kekuasaan Allah”.

Firman Allah I:

إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

“Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali”.

(al-Baqarah: 156)

الْبَاقِي هُوَ الْبَاقِي

Yang akan tetap kekal, hanyalah Allah yang Maha Kekal.

Bediuzzaman Said Nursi

Surat Untuk Seorang Doktor

[Ini adalah sepucuk surat yang dihantar oleh Ustaz Bediuzzaman Said Nursi kepada seorang doktor yang amat merindui Risalah an-Nur kerana kebangkitan kerohanian yang diperolehinya hasil daripada pembacaan berulang kali yang dilakukan terhadap Risalah an-Nur.]

Selamat datang wahai saudara rapatku! Wahai doktor bahagia yang diberikan petunjuk untuk mendiagnosa penyakitnya sendiri! Kebangkitan kerohanian yang dikhabarkan oleh surat saudara yang ikhlas amat melayakkan saudara untuk menerima ucapan tahniah dan kebanggaan.

Wahai saudaraku! **Ketahuilah bahawa kehidupan merupakan sesuatu yang paling bernilai di alam wujud ini. Segala perkara yang memberikan khidmat kepada kehidupan ini merupakan kewajipan paling utama yang mesti dilaksanakan. Manakala usaha untuk menukar kehidupan yang fana' ini kepada kehidupan yang kekal abadi merupakan tugas paling bernilai dalam kehidupan ini.**

Ketahuilah bahawa intisari, nilai dan pati kehidupan ini yang paling penting tersembunyi pada kedudukannya yang merupakan benih, pemula dan pencetus bagi kehidupan yang abadi. Hinggakan jika kita mempunyai konsep yang bertentangan dengan hakikat ini, iaitu dengan kita

membataskan segala usaha dan ilmu hanya untuk kehidupan yang fana' ini, maka ia merupakan kerosakan yang paling dahsyat kepada kehidupan yang abadi. Ia hanya berlaku dengan sifat kegilaan dan kedunguan yang melampau, sebagaimana seseorang yang sanggup menukar sambaran cahaya kilat dengan cahaya matahari yang berkekalan.

Pada hakikatnya, para doktor yang alpa tentang akhirat dan tenggelam dalam lumpur material merupakan orang yang paling teruk mengalami kesakitan. Tetapi jika mereka berjaya menjalani penawar keimanan daripada **farmasi al-Quran dan Sunnah Nabi** ρ lalu mengambil beberapa dos ubatan yang dapat menghapuskan racun penyakit yang ada dalam badan, maka mereka tidak hanya mengubati kelukaan kemanusiaan yang ada pada diri mereka sahaja, bahkan mereka juga menjadi penyebab kepada penyembuhan kelukaan manusia keseluruhannya.

Kami bermohon kepada Allah ρ agar kebangkitan kerohanian saudara menjadi penyembuh kepada luka yang saudara alami, bahkan saudara sendiri menjadi contoh yang hidup dan *qudwah* (ikutan) yang baik di hadapan pandangan para doktor yang lain, serta menjadi ubat kepada penyakit mereka.

Saudara pasti tidak lagi meragui tentang kepentingan memasukkan perasaan kegembiraan ke dalam hati seorang pesakit yang sudah kecewa dan berputus asa daripada cahaya pengharapan. Memasukkan kegembiraan itu mungkin lebih penting dan berfaedah baginya daripada memberikan ribuan jenis ubatan yang lain.

Tetapi para doktor yang tenggelam di dalam paya material yang tabi'i hanya akan menambahkan perasaan kecewa yang mendalam kepada para pesakit, hingga seluruh kehidupan menjadi hitam pekat di hadapan mereka. Tetapi kebangkitan kerohanian saudara akan menjadikan saudara – dengan izin Allah I – paksi kegembiraan dan hiburan bagi para pesakit itu dan orang-orang yang seumpama mereka. Kebangkitan kerohanian saudara juga akan menjadikan saudara sebagai seorang doktor hakiki yang memancarkan cahaya ke dalam hati dan menyebarkan kegembiraan ke dalam jiwa.

Sebagaimana yang anda ketahui bahawa umur manusia amat pendek, sedangkan tugas yang mesti dilaksanakan amat banyak. Jika saudara memeriksa maklumat-maklumat yang terdapat di dalam minda saudara, sebagaimana yang saya lakukan, saudara akan dapati ada di antara maklumat-maklumat tersebut yang tidak berfaedah dan tidak penting. Ia adalah maklumat yang remeh sama seperti timbunan saki baki kayu api yang sudah tidak berguna. Kerana saya telah melakukan pemeriksaan seumpama ini, lalu saya dapati banyak di antara maklumat tersebut yang tidak berfaedah dan tidak penting. Ya, tidak dapat tidak kita hendaklah mencari penawar dan wasilah yang membolehkan kita menjadikan maklumat ilmiah dan pengetahuan falsafah itu berguna, berfaedah, bercahaya, hidup berdegup dan memberikan faedah dan manfaat. Saudara hendaklah *bertadharru'* kepada Allah I dan berdoalah kepadaNya agar mengurniakan kepada saudara kebangkitan kerohanian yang dapat menyucikan dan membersihkan pemikiran saudara demi keranaNya semata-mata. Kebangkitan kerohanian itu juga akan membakar

timbunan kayu api agar mengeluarkan cahaya dan menukarkan pengetahuan ilmiah yang dulunya tidak mempunyai faedah kepada pengetahuan ilahiyah yang mempunyai nilai dan harga yang tinggi.

Sahabatku yang pintar! Sesungguhnya hati amat suka kepada beberapa orang yang telah memiliki jiwa yang dapat mara ke hadapan seperti Hulusi Bey¹⁴, iaitu mereka yang terdiri daripada ahli ilmu yang mempunyai perasaan kerinduan yang mendalam kepada cahaya keimanan dan rahsia-rahsia al-Quran.

Oleh kerana "***Risalah al-Kalimat, (Kalimah-Kalimah)***" ini mampu berbicara dan berdialog dengan perasaan dalaman saudara, maka janganlah saudara menganggapnya hanya sebagai surat khusus daripada saya untuk saudara sahaja. Bahkan hendaklah saudara menganggap **setiap perkataannya sebagai risalah yang ditujukan kepada saudara daripada seorang pendakwah yang menyeru dan**

¹⁴ Hulusi Yahyagil adalah murid pertama Risalah an-Nur, berasal dari Timur Turki. Beliau pernah bertugas dalam tentera sebagai kapitan di selatan Turki. Pada tahun 1929, pertama kali beliau menziarahi Ustaz Bediuzzaman Said Nursi. Selepas beliau bertemu dengan Ustaz Bediuzzaman, beliau berhenti tugas askar itu lalu mula berkhidmat kepadanya. Oleh kerana itu, Ustaz Bediuzzaman menyebut tentang beliau:

"Semangat dan kesungguhan beliau adalah sebab yang paling penting untuk menulis buku al-Maktubat (Surat-surat) dan akhir risalah-risalah di dalam buku al-Kalimat (Kalimah-kalimah)".

- Semoga Allah merahmatinya.

menunjukkan kepada al-Quran al-Karim. Ambillah risalah ini sebagai preskripsi yang ditulis oleh seorang doktor yang dikeluarkan daripada farmasi al-Quran.

Dengan itu, saudara akan membuka satu majlis yang luas dan mulia di alam ghaib, iaitu satu majlis yang diberkati. Saudara bebas untuk menulis surat kepada saya pada bila-bila masa yang saudara kehendaki. Tetapi saya berharap agar saudara tidak merasa kesempitan jika saya tidak membalasnya, kerana telah menjadi kebiasaan saya sejak sekian lama tidak menjawab atau menulis surat kecuali beberapa pucuk sahaja. Hinggakan kepada saudara kandung saya sendiripun, saya tidak menulis surat kepadanya semenjak tiga tahun lalu melainkan sepucuk surat sahaja yang saya tulis itupun sebagai membalas timbunan surat-suratnya kepada saya.

Bediuzzaman Said Nursi

|||